



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA**

**PROF. DR. SYED AHMAD ISKANDAR BIN**

**SYED ARIFFIN AL – QUDSI**

**PENGARAH EKSEKUTIF INSTITUT SULTAN ISKANDAR (ISI)**

**& PENSYARAH KANAN DI FAKULTI ALAM BINA,**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**

**MENGENAI SENI BINA MASJID-MASJID DI JOHOR**

**SHARIFAH IRIS KHALIESAH BINTI**

**SYED AHMAD ISKANDAR**

**(2020985611)**

**NOR HUSNA MARDZIAH BINTI BAHARUDDIN**

**(2020988379)**

**SEMESTER MAC 2021-JULAI 2021**

## **ABSTRACT**

Various types and forms of architecture have been developed in our country. Each architecture developed has criteria and meanings that are the main pillars of why the building was erected. Malaysia is an Islamic country that makes the mosque the main symbol of Muslims in Malaysia. The architecture of the mosque has two different forms, namely the form of the influence of regional traditions or known as traditional mosques, while the second mosque's architecture is heavily influenced by architecture from outside, especially from the Middle East, Morocco and India. The objective of this study was to find out more about the early history and background of the mosque being built. In addition, this study also aims to understand the definition of what is architecture and deepen the use of architectural elements as well as relate it to local history. This study uses the oral history method approach. Oral history is one of the methods used in historical research to obtain and confirm the truth of a historical fact obtained.

**Keywords :** Architecture, Mosque, Mosque Architecture, Oral History

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, kami ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah kami menyiapkan kajian berkenaan Seni Bina Masjid di Negeri Johor ini dengan jayanya walaupunmenempuh pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah.

Dikesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin, selaku pensyarah kami di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan kajian ini. Segala bantuan, semangat. Startegi, dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik.

Terima kasih kepada pihak tokoh, Prof. Dr. Syed Ahmad Iskandar bin Syed Ariffin Al-Qudsi, Pengarah Eksekutif Institut Sultan Iskandar serta Pensyarah Kanan Fakulti Alam Bina di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kerana telah banyak meluangkan masa bersama kami serta menerima tawaran kami untuk ditemubual berkenaan dengan kajian Seni Bina Masjid di Negeri Johor. Terima Kasih kami ucapkan kerana telah memberi kerjasama penuh dalam kajian ini serta menyumbangkan kepada kami banyak maklumat berkenaan kajian ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang amat kami hormati serta sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan juga panduan hidup yang amat saya perlukan. Sesungguhnya, segala pengorbanan yang telah dilakukan amat kami sanjungi dan akan kami ingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan yang banyak membantu serta semua yang terlinat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga penyelidikan kajian ini dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

## **SENARAI ABREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
AJK	Ahli Jawatankuasa
JKR	Jabatan Kerja Raya
POLISAS	Politeknik Sultan Ahmad Shah
SAJ	Syarikat Air Johor
TNB	Tenaga Nasional Berhad
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

## **SENARAI SINGKATAN**

**SIK** : Sharifah Iris Khaliesah

**NHM** : Nor Husna Mardziah

**SAI** : Syed Ahmad Iskandar

## **RUJUKAN KATA**

Ambik	Ambil
Je	Sahaja/Saja
Jugak	Juga
Lepastu	Selepas itu
Macamtu	Macam itu
Pulak	Pula
Takde	Tidak ada
Takpe	Tidak apa
Tok	Datuk/Atuk

# **BIODATA PENEMUBUAL**



## **1.0. BIODATA PENEMUBUAL**

### **1.1. Penemubual Pertama**



<b>NAMA</b>	Sharifah Iris Khaliesah Binti Syed Ahmad Iskandar
<b>TARIKH LAHIR</b>	27 April 1999
<b>TEMPAT LAHIR</b>	Coventry, United Kingdom
<b>ALAMAT</b>	No 39, Jalan Utama 20, Taman Mutiara Rini, 81300 Skudai, Johor Bahru
<b>NO. TELEFON</b>	012-2214692
<b>EMEL</b>	khalieshaisk@gmail.com
<b>PROGRAM</b>	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat Kepujian Pengurusan Rekod (IM246)

## **1.2. Penemubual Kedua**



<b>NAMA</b>	Nor Husna Mardziah Binti Baharuddin
<b>TARIKH LAHIR</b>	8 April 1999
<b>TEMPAT LAHIR</b>	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru
<b>ALAMAT</b>	No 61, Persiaran Permai Jaya 4, Taman Permai Jaya, 35600 Sungkai, Perak Darul Ridzuan.
<b>NO. TELEFON</b>	017-4030630
<b>EMEL</b>	husnamardziah84@gmail.com
<b>PROGRAM</b>	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat Kepujian Pengurusan Rekod (IM246)

# **BIODATA TOKOH**



## **2.0. BIODATA TOKOH**

### **2.1. Biodata Tokoh**



<b>NAMA</b>	Syed Ahmad Iskandar bin Syed Ariffin Al-Qudsi
<b>NAMA SAMARAN</b>	Prof. Dr. Syed Ahmad Iskandar
<b>TARIKH LAHIR</b>	10 Januari 1962
<b>TEMPAT LAHIR</b>	Teluk Ramunia, Kota Tinggi, Johor
<b>ALAMAT</b>	No 39, Jalan Utama 20, Taman Mutiara Rini, 81300 Skudai, Johor Bahru
<b>EMEL</b>	b-sahmad@utm.my
<b>PROFESION</b>	1. Pengarah Eksekutif Institut Sultan Iskandar 2. Pensyarah Kanan Fakulti Alam Bina
<b>BIDANG</b>	Seni Bina dan Arkitek

## **2.2. Pengenalan Tokoh**

Peserta kajian ini merupakan seorang tokoh dalam bidang senibina yang menjadi ikon dalam bidang beliau. Nama tokoh adalah Syed Ahmad Iskandar bin Syed Ariffin Al-Qudsi. Nama samaran beliau adalah Prof. Dr. Syed Ahmad Iskandar. Beliau telah dilahirkan pada tanggal 10 Januari 1962 bertempat di Teluk Ramunia, Kota Tinggi, Johor. Kini beliau sudah berkahwin dan mempunyai enam orang anak.

Beliau adalah seorang pensyarah kanan bidang seni bina di Universiti Teknologi Malaysia. Prof. Dr. Syed Ahmad Iskandar mula dilantik sebagai seorang pensyarah kanan di Universiti Teknologi Mara adalah pada 1 Januari 2005. Lalu beliau berjaya mendapatkan gelaran sebagai seorang Profesor Madya pada tarikh 27 Julai 2006. Beliau merupakan seorang ahli aktif dalam Lembaga Arkitek Malaysia, dan sudah menceburi bidang arkitek selama lebih 30 tahun.

Beliau juga pernah menyandang jawatan pentadbiran, iaitu sebagai pengasas dan pengarah Pusat Kajian Persekutaran dan Binaan di Alam Melayu (KALAM) bermula pada Jun 1991 sehingga September 1996. Selama beliau berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia, Prof. Dr. Syed Ahmad Iskandar pernah menyandang beberapa jawatan pentadbiran seperti, Ketua Jabatan Seni Bina, Fakulti Alam Bina sejak 1 Jun 2002 sehingga 18 Mei 2009 dan juga jawatan sebagai Timbalan Pengarah Institut Sultan Iskandar bermula dari 1 Jun 2010 sehingga kini.

Beliau merupakan seorang tokoh yang sangat sesuai dirujuk terutamanya dalam cabang senibina warisan-warisan bangunan Melayu. Hal ini kerana, beliau telah banyak merangkum pelbagai anugerah dan diiktiraf sebagai arkitek. Ilmu beliau terhadap bidang seni bina adalah amat luas, oleh sebab kami memilih beliau untuk berbincang serta menemuramah beliau tentang kajian sejarah lisan seni bina masjid di negeri Johor ini.

# **SEJARAH LISAN**



### **3.0. SEJARAH LISAN**

#### **3.1. Pengenalan**

Sejarah lisan merupakan sebuah kaedah memperoleh maklumat-maklumat bersejarah melalui proses wawancara. (Starr, 1948), mengatakan bahwa bidang sejarah ini pernah dipelopori oleh Herodotus yang menjalankan proses temuramah bagi mendapat peristiwa-peristiwa sejarah yang dianggap sangat penting pada zaman lampau. Beliau juga, telah dianggap sebagai "Bapa Sejarah" dan perintis dalam bidang ini. Selepas Herodotus mempolopori bidang sejarah, menurut (Morrison, 1998), kemudian ianya dipelopori oleh Thucydides yang menulis menggunakan pengalaman tentera-tentera yang telah terlibat dalam perang Peloponnesian. Ianya sukar untuk untuk menjelaskan keterangan secara keseluruhan peristiwa tersebut kerana terdapat beberapa saksi yang sukar untuk mengekalkan pengalaman tersebut. Sejarah lisan yang pertama tercipta adalah dilancarkan oleh Prof. Allan Nevins pada tahun 1948 di Universiti Columbia, kata (Nevins, 1984:29). Pada tahun 1960-an bidang kajian sejarah lisan menjadi semakin berkembang dan diminati dalam pelbagai aspek teknik dan penggunaan sumber-sumber sejarah.

Sejarah lisan juga mempunyai perkaitan rapat antara sejarah dan ilmu di mana ia menjadi sebagai sebuah ilmu baharu yang dapat kita lihat dengan memahami maksud ilmu dan sejarah itu sendiri. Secara tidak langsung ia dapat memberi gambaran tentang ilmu baharu atau informasi yang dapat dihasilkan melalui sejarah lisan. Ilmu merupakan sebuah pengetahuan yang boleh diperolehi melalui proses yang dinamakan sebagai kaedah keilmuan. Kaedah keilmuan merupakan suatu kaedah yang boleh membezakan ilmu dengan pemikiran. Menurut (Suriasumantri, 1990), ilmu juga didefinisikan sebagai pengetahuan yang diperoleh dengan menerapkan kaedah keilmuan. Hal ini kerana, ilmu merupakan sebahagian daripada pengetahuan yang memiliki sifat-sifat yang tertentu, oleh itu, ilmu juga disebut sebagai pengetahuan keilmuan. Beliau (Suriasumantri, 1990) juga ada menyatakan bahawa kaedah keilmuan merupakan suatu cara berfikir dalam mencari pengetahuan. Manakala, sejarah pula merupakan fakta-fakta yang telah dikaji, diteliti dan dipastikan oleh pakar dan ahli-ahli sejarah. Ahli-ahli sejarah mengkaji bahan-bahan seperti dokumen, suratan, dan sebagainya untuk mendapatkan fakta-fakta tersebut.

Menurut (Carr, 1984), ahli sejarah mengumpulkan fakta-fakta tersebut dari dokumen-dokumen, suratansuratan dan sebagainya ibarat ikan di atas papan penyiang si penjaja ikan.

Ahli sejarah memungutnya, membawanya pulang, memasak dan menhidangkannya dalam apa sahaja cara yang menarik baginya. Kenyataan tersebut juga disokong oleh (Muhd Yusuf dan Mahayudin, 1988), hakikat yang sebenarnya ialah bahawa sejarah, seperti juga halnya dengan kebanyakan ilmu sosial yang lain, adalah suatu ilmu yang subjektif. Selepas mengetahui apa itu ilmu dan juga sejarah, maka wujudnya sejarah lisan. Menurut (Ahmad, 1987), sejarah lisan merupakan suatu kaedah penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pegetahuan sejarah melalui pengisian. Kaedah tersebut adalah seperti mengadakan wawancara dan merakamkan keterangan-keterangan orang yang diwawancara tidak kira sama ada individu tersebut melalui penglibatan secara langsung dalam peristiwa sejarah itu ataupun sekadar meyaksikan sahaja. Kenyataan ini juga disokong oleh (Starr, 1984), yang mana beliau menyatakan sejarah lisan merupakan kaedah pengumpulan fakta-fakta sejarah yang masih belum lagi dikaji dan dirakam semula dan merupakan penerus kepada proses mengumpul data sejarah setelah hilangnya tradisi penulisan sejarah. Ianya dikatakan bermula sejak berlakunya sesuatu peristiwa sejarah itu sendiri.

Selain itu, menurut penulisan (Seow, 2020), sejarah lisan merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan dan mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah yang diperolehi. Hal ini turut dipersetujui oleh (Yusof Ibrahim, 2009), yang mengatakan bahawa sumber lisan ialah sumber yang didapati daripada pertuturan atau perkhabaran seseorang tentang sesuatu peristiwa yang berlaku. Sejarah lisan merupakan kajian yang dapat menyimpan data masa lampau walaupun tempoh masa dan peristiwa telah berlalu. Ia wujud dalam waktu berlakunya penemuan-penemuan baharu dan teknologi moden yang bersesuaian dengan perkara-perkara yang semakin kompleks seperti politik, kewangan, perniagaan, sastera dan kehidupan moden. Kenyataan ini juga telah disokong oleh (Rozeman, 2004), ia merupakan satu bidang kajian yang luas meliputi pelbagai golongan masyarakat seperti orang biasa, pemimpin masyarakat, gabenor, menteri kabinet, penulis terkenal, pengarang, korporat dan sebagainya.

Beberapa contoh dalam Malaysia, beberapa projek sejarah lisan mengenai tokoh-tokoh yang masih hidup, contohnya, individu-individu yang terlibat dalam peristiwa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, peristiwa darurat, pejuang-pejuang kebangsaan, kemerdekaan dan sebagainya. Manakala contoh ke atas tokoh yang telah meninggal dunia adalah, Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Hussein Onn dan sebagainya dengan mendapatkan maklumat daripada orang yang paling rapat seperti ahli keluarga dan kenalan rapat mereka.

Selesai pengenalan tentang apa itu sejarah lisan. Berikut pula merupakan pengenalan tentang kajian sejarah lisan yang kami lakukan. Kajian sejarah lisan yang kami lakukan ialah tentang Seni Bina Masjid di Negeri Johor. Pengertian seni bina adalah sangat luas, ianya merangkumi tempat tinggal, pejabat dan juga bangunan-bangunan keagamaan yang turut mengambil kira faktor-faktor yang terdapat dalam kawasan-kawasan tersebut. Ahli seni bina, ahli akademik, pemikir dan para profesional dalam bidang seni bina juga ada mengatakan bahawa seni bina adalah bukan sekadar bangunan sahaja, ada juga yang menyatakan bahawa seni bina tersebut merupakan ciri yang wajib ada dan terdapat pada nilai sesebuah bangunan. Menurut (Lois Lamya al-Faruqi, 1984), seni bina boleh dikategorikan keda seni dan bina. Seni merupakan *art* di mana pada asalnya ialah perkataan Latin yang memfokuskan kepada kerja-kerja tangan dan ukiran. Definisi ini digunakan pada abad pertengahan khususnya kerja-kerja yang berkaitan dengan tangan atau aktiviti teknikal dan ukiran. Selain itu, (David Leatherbarrow and Mohsen Mostafavi, 2003), pula menyatakan maksud seni bina ialah sebagai sejarah seni bina tradisional atau seni bina moden yang berhubungkait dengan faktor tipologi dengan menggunakan kaedah mekanikal. Sni bina tersebut juga adalah berdasarkan bahan ang digunakan terutamanya bahan yang menyentuh konsep ruang. Jika lihat pengertian seni bina dari pandangan Islam pula, menurut (Ibn Khaldun, 1980), dalam penulisannya, beliau berpendapat bahawa seni bina merupakan satu daripada ciri ketamadunan yang penting kerana ia adalah mercu kegembilan sesuatu bangsa atau negara serta keagungan dan ketinggian sesuatu tamadun itu dapat diukur berdasarkan pencapaiannya dalam bidang seni bina.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, definisi masjid pula adalah bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain. Masjid dalam bahasa Arab adalah sebuah nama yang menujukan kepada tempat bersujud. Definisi ini adalah dirujuk dari (Hadis Riwayat al-Bukhari, 438), yang bermaksud: "Dijadikan bagiku bumi ini sebagai masjid (tempat bersujud)". Masjid merupakan simbolik utama umat Islam, yang sentiasa menggunakan ruang masjid tersebut untuk beribadah kepada Tuhan. Setiap masjid dibina dengan identiti sendiri, dan identiti tersebut dapat dikenalpasti daripada unsur senibina masjid tersebut. Menurut (Shihab, 1997 : 459), kata "masjid" adalah berasal dari kata sajada-sujud yang berarti patuh, taat, serta tunduk penuh hormat, takzim. Mnakala sujud dari segi syariat pula bermaksud berlutut, meletakkan dahi kedua tangan ke tanah adalahn bentuk nyata dari arti kata tersebut. Oleh karena itu bangunan yang dibuat khusus untuk sholat disebut masjid yang artinya : tempat untuk sujud.

Selain itu, (L.H.Hasibuan,2002,hal 8-9) juga berpendapat bahawa masjid sekurangnya mempunyai tiga tinjauan makna iaitu, yang pertama adalah berkaitan dengan aspek inividu iaitu terciptanya manusia yang beriman. Yang kedua pula, berkaitan dengan aspek sosial iaitu membentuk umat yang sedia menjalankan kehidupan dalam berbagai situasi atau keadaan yang diihadapi serta mampu hidup secara bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.Yang penting dalam aspek ini adalah keperibadian Akhlak sebagai satu asas dinamik pembangunan sosial yang kukuh. Yang ketiga, berkaitan dengan aspek fizik pembangunan adalah sebagai bukti ketauhidan, kekuahan jalinan sosial yang mempunyai sikap konstruktif dan produktif.

### **3.2. Objektif**

Penulisan sejarah adalah sangat penting bagi memastikan seluruh masyarakat cakna dengan peristiwa-peristiwa sejarah atau sumbangan yang terdapat di Malaysia. Terutama sekali dalam bidang seni bina masjid. Antara objektif kajian ini dilakukan ialah :

- a. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang sejarah awal dan latar belakang masjid dibina.
- b. Untuk memahami definisi apa itu seni bina dan mendalami penggunaan unsur-unsur seni bina serta mengaitkannya dengan sejarah tempatan.
- c. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang masjid-masjid yang terbina di Negeri Johor.
- d. Untuk meningkatkan kesedaran seluruh masyarakat terutama masyarakat Islam terhadap falsafah-falsafah dalam seni bina sesebuah masjid.

### **3.3. Kepentingan**

Seperti yang diketahui, sejarah lisan merupakan sebuah proses di mana melibatkan seorang individu yang akan menceritakan peristiwa-peristiwa sejarah serta pengumpul maklumat yang mengumpul maklumat tentang peristiwa-peristiwa yang lepas atau merujuk daripada ingatan seseorang, kertas, diari, surat, gambar dan sebagainya. Sejarah lisan juga dianggap sebagai sumber primer kerana ianya dihasilkan daripada rakaman perbualan yang dibuat melalui wawancara yang telah dirancang, direkodkan oleh para pengkaji. Kenyataan tersebut disokong (Abdul Rahman, 1996), beliau mengatakan sejarah lisan mempunyai kekuatan yang dapat menjelaskan peristiwa masa lampau yang telah berlaku. Ianya terdiri daripada berbagai-bagai jenis sastera rakyat seperti mitos, lagenda, cerita asal-usul dan sebagainya. Begitu juga dengan kepentingan sejarah lisan ini dimana menurut (Muhd. Yusof Ibrahim, 2009: 162), kepentingan sejarah lisan adalah amat terasa dalam keadaan di mana kurangnya sumber-sumber bertulis bagi sesuatu peristiwa yang dikaji ataupun dalam keadaan di mana sejarah lisan adalah satu-satunya sumber yang boleh diperolehi tentang sesuatu peristiwa sejarah itu. Oleh sebab itu, terdapat beberapa kepentingan dalam melakukan sejarah lisan.

Antara kepentingan dalam sejarah lisan adalah, untuk membina semua peristiwa-peristiwa sejarah untuk menggantikan rekod-rekod yang telah hilang ataupun rekod-rekod yang telah dimusnahkan oleh pihak penjajah seperti pihak Jepun dan British. Kata (Nadzan, 1979), ianya adalah amat berguna untuk mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber bertulis, untuk menambah sumber bertulis yang sedia ada dengan keterangan sejarah yang telah dicatat, untuk menyelamatkan keterangan sejarah yang hilang serta mendorong kepada penyelidik untuk membuat penyelidikan ke atas perkaa-perkara yang telah disediakan dengan sumber lisan. Selain itu, kepentingan dalam melakukan sejarah lisan ialah, menurut (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007), maklumat-maklumat yang diperoleh dalam sejarah lisan adalah sungguh bernilai dalam memahami peristiwa-peristiwa yang saling berkait dari sudut yang luas. Sejarah lisan juga adalah amat unik kerana ia dapat menghubungkan zaman yang lalu dan zaman sekarang melalui rakaman pengalaman-pengalaman yang bersejarah.

Di samping itu, masyarakat juga perlu sedar bahawa penulisan sejarah di Malaysia tidak seharusnya berfokuskan kepada tokoh-tokoh ternama atau peristiwa-peristiwa sejarah sahaja.

Ia juga merangkumi cerita dan peristiwa tentang rakyat biasa. Sejarah yang bercorak tempatan dan sejarah negeri juga perlu difokuskan dalam pensejarahan Malaysia. Oleh sebab itu, kenyataan ini disokong oleh (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007) sumber lisan adalah amat penting kerana rakyat biasa tidak meninggalkan sumber-sumber yang bertulis. Walaupun kurang sejarah lisan tetapi dengan sejarah lisan inilah dapat membantu sejarawan untuk menulis sejarah-sejarah yang bercorak tempatan.

Seterusnya, adalah kepentingan kajian seni bina masjid di Negeri Johor. Antara kepentingan mengapa kajian ini dilakukan adalah supaya dapat meningkatkan kesedaran kepada seluruh masyarakat dan komuniti setempat tentang seni bina masjid yang penuh dengan sejarah. Hal ini kerana, masyarakat kini semakin jauh serta tidak cakna dengan sejarah-sejarah penempatan mereka mahupun unsur-unsur seni bina masjid di kawasan penempatan mereka. Selain itu, antara kepentingan dalam melakukan kajian ini adalah masyarakat akan lebih mengenali masjid-masjid di Johor sekaligus mengetahui unsur-unsur seni bina bangunan masjid tersebut. Masyarakat kini tidak mengambil berat malah tidak menghargai hasil-hasil seni bina yang terhasil, mahupun seni bina sesebuah masjid yang pastinya mempunyai unsur-unsur yang tertentu. Disamping itu, kepentingan kajian ini juga, dapat mengenali elemen-elemen seni bina yang sangat penting untuk dikenalpasti agar dapat memudahkan proses memelihara dan memulihara bangunan-bangunan masjid. Kepentingan kajian ini yang terakhir adalah untuk memberi kesedaran kepada seluruh masyarakat terutama sekali kepada masyarakat Johor bahawa masjid merupakan sebuah simbolik yang mencerminkan keindahan agama Islam. Oleh sebab itu, sebagai umat Islam, kita haruslah menjaga serta memeriahkan masjid dengan melakukan aktiviti-aktiviti keagamaan serta solat berjemaah beramai-ramai.



## **KAJIAN LITERATUR**



## **4.0. KAJIAN LITERATUR**

### **4.1. Seni Bina**

#### **4.1.1. Definisi**

Pada zaman teknologi yang semakin maju ini, berbagai jenis senibina bangunan telah dibina. Menurut (Willian A. Haviland, 1718), seni adalah sebuah sistem yang melibatkan proses penggunaan imaginasi manusia secara kreatif dalam sesebuah kelompok masyarakat dengan kebudayaan yang tertentu. Selain itu, menurut (Thomas Munro, 2002), seni adalah sesebuah perkara buatan manusia yang menimbulkan kesan-kesan psikologis pada setiap masyarakat di dunia ini. Alam senibina pula merupakan suatu unsur yang sering diguna pakai sebagai lambang untuk menzahirkan identiti sesebuah kebangsaan ini (Baper dan Hassan, 2010; Kosman, 2007; Rasdi ,2005). Ini disokong oleh (Vale, 2008) yang menyatakan bahawa hasil kerja seni bina merupakan lambang yang bermakna kerana ia adalah unsur budaya. Dalam hal ini, seni bina boleh menyatukan masyarakat dan memupuk sentimen kebangsaan serta perpaduan menerusi unsur dan prinsipnya yang berupaya menyampaikan mesej tertentu dalam bentuk ‘lambang’ kepada pengguna (Webster,2014; Uros,2003; Kowert,1996; Wednt,1994; Scruton.,1979).

#### **4.1.2. Kepentingan menjaga Seni Bina**

Berbagai jenis dan bentuk seni bina telah dibangunkan di negara kita. Setiap seni bina yang dibangunkan mempunyai kriteria serta maksud yang menjadi tunggak utama mengapa bangunan tersebut didirikan. Berikut juga merupakan sebab mengapa kita sebagai masyarakat negara haruslah menjaga, memelihara serta memulihara setiap seni bina yang berada di negara kita. Sebagai contoh, terdapat satu rencana terbitan Utusan Malaysia pada 28 Julai 2008, membangkit satu isu berkaitan warisan Melayu terabai yang berlaku di Pulau Pinang. “Senarai tempat dalam Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) di Pulau Pinang walaupun mencatatkan masjid Melayu Jalan Acheh dan Masjid Kapitan Keling tetapi tidak memperlihatkan pengwujudan orang Melayu dari segi sejarahnya sebagai golongan terawal yang datang di pulau ini” (Ismail Hashim Yahya, 2008). Kenyataan ini jelas menunjukkan kepada masyarakat bahawa ianya merupakan satu penyingkiran budaya secara tidak sedar yang sedang berlaku. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku dikalangan masyarakat kerana sepatutnya masyarakat harus menyedari bahawa seni bina ini perlu dipelihara kerana ia mempunyai seribu satu makna di sebaliknya.

Warisan seni bina pada dunia kini merupakan sesuatu yang amat bernilai dan memaparkan jati diri bangsa negara. Menurut (Mohamed Anwar Omar Din, 2008), pembentukan jati diri bangsa amat berkait dengan warisan seni bina seperti kebudayaan, kesenian yang dihasilkan oleh masyarakatnya sendiri. Antara kepentingan mengapa masyarakat perlu memelihara seni bina ialah, ia merupakan daya tarikan pelancong sama ada pelancong domestik maupun antarabangsa. Menurut (Howard, P. 2003), bangunan-bangunan bersejarah, tapak bersejarah dibiarkan terbiar begitu sahaja tanpa ada pihak cuba memulihara. Oleh sebab itu, seni bina di Malaysia ini haruslah dipelihara serta dijaga dengan rapi. Selain itu, kepentingan memelihara dan memulihara kahazanah seni bina adalah, memupuk semangat patriotik dalam diri masyarakat. Menurut (Presiden Theodore Roosevelt, 1969),

“Semangat patriotik akan menjadikan seseorang itu berkhidmat demi negaranya, dalam apa keadaan pun, adalah dianggap tidak patriotik kalau tidak bercakap benar, sama ada berhubung dengan Presiden ataupun berhubung dengan sesiapa saja”.

Selain itu, menurut akhbar (Sinar Harian, 2020), berkata tokoh pendidikan dan ekonomi Profesor Diraja Ungku Aziz, “Patriotisme tidak harus dipandang sepi oleh rakyat sehingga rasa kesetiaan kepada negara sekadar ungkapan dan tanggungjawab yang hanya terletak di atas bahu pemimpin lapisan pertama iaitu Perdana Menteri yang rapat dengan mereka.”. Oleh sebab itu. Semangat patriotisme dalam diri masyarakat juga merupakan salah satu tunggak bagi memastikan kesemua seni bina di negara ini dijaga dan dipelihara dengan baik.

## **4.2. Seni Bina Masjid di Negeri Johor**

### **4.2.1. Definisi Masjid**

Menurut (Mahyuddin Hj, Yahya, 1998), pembinaan masjid telah bermula dalam masyarakat Islam sejak Rasulullah (s.a.w.) berhijrah ke Madinah. Baginda telah membina asas masjid yang pertama di Quba' dalam bentuk yang paling ringkas dengan menggunakan bahan binaan daripada batu dan batang pokok tamar untuk membentuk dewan sembahyang sahaja. Menurut (Sidi Gazalba, 1976), pada masa ini menara belum dibina. Rasulullah (s.a.w.) memerintah Bilal melaungkan azan dari tempat yang tinggi supaya didengar oleh masyarakat Madinah sebagai menandakan telah masuk waktu sembahyang. Menurut (Ibn Sidah, 398 H/1007 M) masjid berasal daripada perkataan "Sajada" bermaksud telah sujud, "Yasjudu" bermaksud sedang sujud, dan "Sujudan" bermaksud meletakkan dahinya ke bumi. Menurut (Kamus Dewan, 2005) masjid bermaksud, bangunan khas tempat orang Islam beribadat. Manakala menurut (Kamus al- Munjid, 2001), masjid dari segi bahasa bermaksud tempat sujud. Menurut (Muhammad Rawwas Qalaji, 1985) dalam kitab Mukjam al-Lughah alFuqaha, menyatakan bahawa masjid ialah sesuatu tempat yang dikhaskan untuk umat Islam menunaikan solat secara berkekalan dan berterusan. Selain itu, (Siti Mashitoh, 2004) mendefinisikan masjid sebagai bangunan yang digunakan bagi sembahyang Jumaat, sembahyang-sebahyang lain dan kegiatan-kegiatan lain yang dibenarkan oleh Islam. Definisi masjid juga selari mengikut pandangan (Frishman dan Khan, 2002) bahawa masjid adalah tempat bagi orang-orang Islam berkumpul dan menunaikan ibadat dan juga digunakan untuk menunaikan solat Jumaat pada hari Jumaat.

#### **4.2.2. Seni Bina Masjid**

Seni bina masjid mempunyai dua bentuk yang berlainan, iaitu bentuk dari pengaruh tradisi serantau atau dikenali sebagai masjid tradisional, manakala masjid kedua pula seni binaannya banyak terpengaruh dengan seni bina dari luar terutama dari Timur Tengah, Maghribi dan India. Seni bina masjid tradisional dibina sebelum berlakunya penjajahan. Bentuk masjid kedua pula dibina semasa penjajahan dan selepas merdeka. Menurut (Abdul Halim Nasir, 1984), masjid tradisional masih terikat kuat dengan pengaruh iklim dan persekitaran seperti cuaca panas dan hujan lebat sepanjang tahun. Terdapat beberapa seni bina yang menjadi ciri-ciri binaan masjid, iaitu bumbung atau kubah, dewan sembahyang, mimbar, mihrab dan menara.

Menurut (S. Vlatseas, 1990), beliau menyatakan bahawa kebanyakan pengkaji bersetuju, jenis bumbung berlapis atau bertingkat dan mahkota atap terdapat di Malaysia dan rantau ini bukan merupakan reka bentuk tempatan yang asal, tetapi ia adalah pengaruh dari bentuk bumbung piramid yang terdapat pada bangunan Pagoda di Cina. Demikian juga bentuk melengkung ke atas pada setiap penjuru bumbung. Dewan sembahyang mempunyai pintu masuk dari setiap arah kecuali pada bahagian barat yang merupakan arah kiblat. Jumlah pintu yang banyak ini memudahkan para jemaah masuk dari mana-mana arah. Ia juga bertujuan untuk membolehkan udara masuk dari setiap arah.

Menurut (A Halim Nasir, 1986), setiap pintu masuk terus bersambung dengan serambi yang digunakan sebagai tempat istirehat dan tempat berbincang. Mimbar merupakan tempat khatib menyampaikan khutbah pada waktu sembahyang Jumaat atau sembahyang dua Hari Raya. Ia merupakan satu binaan kecil yang mempunyai beberapa anak tangga. Menurut (Zulkifli Hanafi, 1985), ketinggian mimbar bergantung kepada keluasan masjid. Mihrab berfungsi untuk menandakan arah kiblat dan tempat berdiri imam ketika sembahyang jemaah. Ia dibina ke dalam dari garisan dinding kiblat dengan bentuk yang berbagai-bagai seperti separuh bulat, selindar menegak atau empat segi bujur.

Menurut (Zulkifli Hanafi, 1985), ia lebih ketara dengan hiasan geometri dan tulisan ayat-ayat Al-Quran. Menara merupakan satu tempat yang tinggi untuk melaungkan azan. Berdasarkan contoh yang dinyatakan oleh (George Michell, 1978), bangunan tinggi Rom (Square Rom Tower) telah mempengaruhi masjid-masjid Bani Umayyah di Damsyiq.

# **TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH**



## **5.0. TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH**

### **TRANSKRIP SEJARAH LISAN SENI BINA MASJID-MASJID DI JOHOR**

#### **SESI 1 (29 May 2021)**

**NHM:** Assalamualaikum waramatullah hiwabarakatuh. Berikut adalah temubual sejarah lisan tentang sesi pertama mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni bina dan arkitek. Bersama kami ialah Yang Berbahagia, Prof. Dr Syed Muhammad Iskandar Syed Ahmad Iskandar, maafkan saya. Mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang yang merupakan seorang tokoh pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 29 Mei 2021 bersamaan dengan hari Sabtu, pada pukul 10.39 pagi di platform *Google Meet*. Temubual ini dikendalikan oleh Nor Husna Mardziah binti Baharuddin dan Sharifah Iris Khaliesah binti Syed Ahmad Iskandar.

**SAI:** Latar belakang.

**SIK:** Kita akan mulakan dengan soalan pertama. Kita ada beberapa set soalan yang telah dibahagikan. Jadi kita akan mulakan sesi hari ini iaitu sesi satu, dengan soalan orientasi. Ok, jadi yang pertama tentang latar belakang diri Prof. Syed. Yang pertama sekali, apakah nama penuh Tuan?

**SAI:** Nama penuh, Syed Ahmad Iskandar bin Syed Ariffin (angguk-angguk kepala).

**SIK:** Ok. Kita beralih kepada soalan kedua, bilakah tarikh lahir Tuan?

**SAI:** 10 Januari 1962.

**SIK:** Tuan berasal dari mana?

**SAI:** Dari Daerah Pengerang, Johor.

**NHM:** Kalau sekarang, Tuan menetap dimana ya?

SAI: Sekarang menetap di Skudai, Johor Bahru (bunyi notifikasi telefon).

**NHM: Bolehkah Tuan ceritakan sedikit pengalaman Tuan sewaktu dibangku sekolah?**

SAI: Di bangku sekolah, sebagai seorang murid sekolah -- saya agak aktif dalam aktiviti pengucapan awam dan ada terlibat dalam aktiviti menyampaikan syaran pada usia 10 tahun. Dan selain daripada itu, saya juga sangat aktif dalam bidang sukan. Lain-lain, saya adalah pelajar biasa seperti mana pelajar-pelajar lain. Daripada sekolah rendah itu, keputusan dulu kita panggil Penilaian Darjah Lima sekarang panggil UPSR dan sekarang pun dah takde. Jadi daripada keputusan peperiksaan penilaian itu, dapat masuk ke sekolah asrama penuh. Macamtu.

**NHM: Prof kata tadi Prof dalam bidang sukan – yang Prof lebih?**

SAI: Yang paling aktif sekali adalah sukan bola sepak.

**NHM: Apakah pegangan atau pun prinsip yang Professor pegang sampai sekarang, yang membuatkan Prof terus maju? Yang membuatkan Professor --.**

SAI: (mengangkat kedua-dua kening) Pada ketika itu, tidak ada yelah kalau daripada sekolah rendah hatta sekolah menengah sekalipun, kebanyakan pelajar tidak ada spesifik prinsip atau pegangan. Tetapi bila direnungkan kembali, dimasa sekarang direnungkan kembali, bolehlah saya petik beberapa pegangan atau prinsip, contohnya selalu mahukan sesuatu itu dibuat dengan sebaik-baiknya. Apa saja tugas dan tanggungjawab yang diberikan, peranan ke, dan mahu atau pun berkeinginan melakukan dengan sebaik-baik. Itu satu. Kedua, selalu memberi-kan yang terbaik kepada rakan-rakan. Maknanya kita, elakkan kontroversi. Kita mudahkan hubungan antara satu sama lain supaya kita diterima seramai mungkin, macamtu. Jadi maknanya, kalau boleh kita buatkan diri kita, ketiadaan kita itu, dirasai oleh orang lain. Ha macamtu. Masa main bola sepak tu, saya posisi *attacking. Striker*. Yang kerap menajringkan gol. Jadi kalau saya cedera ke apa tak dapat bermain, pasukan akan terasa ketiadaan sayalah. Jadi macamtu. Maknanya kita jadikan diri kita penting, dan ketiadaan kita sangat dirasai.

**NHM: Professor masuk bola sepak tu, sampai ke peringkat mana tu?**

SAI: Bila bersekolah menengah, saya masuk ke peringkat negeri. Paling tinggi sekalilah, ke peringkat negeri. Tapi tak pernahlah mewakili Malaysia. Kalau mewakili Malaysia sekarang saya dah jadi pengurus bola sepak negeri Johor (ketawa besar dan tersenyum lebar).

**NHM: (Turut ketawa dan tersenyum) Iris?**

SIK: Ok jadi, tadi kita dah tamat soalan --.

SAI: Tak dengar.

NHM: Mikrofon (tunjuk isyarat mikrofon).

**SIK: Ok, sorry. Tadi kita dah tamat latar belakang diri tokoh kita pada hari ini. Jadi, kita teruskan dengan seksyen soalan kedua iaitu latar belakang keluarga. Jadi soalan yang pertama, saya ingin bertanyakan, apakah latar belakang ibu bapa Prof Syed?**

SAI: Ok, menyebut tentang latar belakang keluarga, yang sangat penting kepada sesiapa ju. Kerana latar belakang keluarga ini turut menyumbang kepada pembesaran kitalah. Pembentukan diri kita, karakter kita, watak kita. Menyebut tentang latar keluarga, kita kena pergi ke dua generasi sebelum ini. Dan kita kena jejaki masa itu. Kalau dirujuk kepada moyang, dua tiga generasi sebelum itu, Kalau dirujuk kepada moyang -- moyang kedua-dua pihak disebelah mak dan disebelah ayah, adalah seorang itu adalah imam, dan seorang lagi adalah penghulu. Yang sebelah maknya seorang penghulu, yang sebelah abahnya, ayahnya seorang imam. Jadi mereka sangat berpengaruh dikampung. Mereka juga terlibat dalam menubuhkan kampung tu dan jadi jelas kat situ dah nampak, tentang *gene* yang ada dalam badan iaitu *gene* pemimpin atau ada ciri-ciri kepimpinan. Dan seterusnya kepada -- nenda, kepada toknya, begitu juga mengekalkan tradisi itu an seterusnya turun kepada ayahanda, bonda iaitu seorang ayahanda seorang guru besar. Bonda adalah surirumah sepenuh masa tapi seorang aktivis jugaklah di kampung walaupun di kampung masa itu takde istilah aktivitis kalau dilihat kepada aktiviti, kegiatan yang dia buat adalah bagaikan

seorang aktivis lah disitu. Jadi, latar belakang berlatar belakangkan situasi itu -- jadi kita sendiri terbentuk dengan suasana itulah, dengan etika itu. Dengan budaya yang ada di se-sekitar. Dan selain itu sudah tentu, kawan kawan sebaya membawa pengaruh keremajaan pada ketika itu. Teapi dia *strike a balance*, dia memberi keseimbanganlah dalam berimajinasi sebagai seorang remaja dan juga kawal selia tingkah laku kita yang diturunkan daripada generasi sebelum ni. Itu sedikit sebanyak, so ada ciri-ciri pemimpin, kepimpinan, pentadbir, kalau guru besar sekolah itu ditadbir, mengurus. Disiplin juga agak ketat camtu. Maka, terbentuklah apa yang terbentuk (tersenyum kecil).

**NHM: Ayah dengan ibu professor berasal dari mana ya?**

SAI: Kedua-duanya berasal daripada Johor. Di daerah yang sama, di mukim yang sama, di Pengerang. Kedua-kedua mereka adalah anak sulung bagi kedua-dua keluarga berkenaan. Mereka ditemukan, mereka ditemukan -- oleh ayahanda masing-masing. Dipinangkan antara mereka berdua dibawah satu persetujuan yang dimeterai dibawah pokok (tersenyum dan ketawa kecil).

**NHM: Seterusnya, berapa ya bilangan adik-beradik Professor?**

SAI: Ada lapan kesemuanya. Dan saya adalah yang kelima. Yang tengah-tengahlah.

**NHM: Berapa lelaki dan berapa perempuan?**

SAI: Seimbang, empat empat. Saya adalah lelaki yang bongsu.

**SIK: Ok, soalan seterusnya. Jadi pada pendapat Prof, adakah pendidikan dan bakat yang ada pada Tuan hari ini diturunkan daripada keluarga?**

SAI: Saya sangat bersyukur kerana tidak boleh dinafikan, sedikit atau tidak sedikit banyak tidak banyak sedikit, mesti ada bakat dan potensi yang telah disuburkan oleh latar belakang keluarga tadi itu mengalir kepada saya. Kalau saya perhatikan bakat kepimpinan, disiplin, mungkin datang daripada sebelah ayah tapi bakat kreativiti seorang artis, seorang arkitek datang daripada sebelah bonda. Sebab, bonda ni dia

suka buat kerja-kerja tangan, kerajinan tangan seperti menenun, buat tekad, buat hiasan pentas, buat tempat bersanding, macam-macamlah. Sarung bantal, langsir, itu semua kerja-kerja tangan yang halus..yang memerlukan ketelitian dan fokus. Jadi mungkin daripada situ datangnya, nak jadi seorang arkitek ni, dia kena teliti, kena halus, kena fokus. Pada masa yang sama seorang pemimpin pulak kena mengambil risiko, kena sanggup berhadapan dengan pelbagai ragam manusia. Kepimpinan tu datang daripada yang lelaki, iaitu ayahandalah --. Gabungan keduanya, maka terjadilah apa yang ada sekarang.

**NHM: Maksudnya, bakat yang Professor dapat sekarang ni memang daripada ibu bapalah?**

SAI: Ya (angguk kepala). Sudah tentu perjalanan yang jauh juga menyumbang. Jauh perjalanan, luas pemandangan, banyak pengalaman. Mungkin mereka tidak melalui apa yang saya sendiri telah lalui. Itu membentuk personaliti sayalah, yang agak sedikit berbeza daripada ayahanda dan bonda tu. Mungkin zaman mereka tidak menuntut untuk bersikap kritikal atau radikal dan saya mungkin agak kritikal dan radikal berbanding mereka.

**NHM: Ikut Professor kata tadi, ibu Professor ada bakat dalam seni, dalam buat gubahan kahwin apa semua tu. Ibu Professor ada ambil tempahan ke, ataupun memang buat saja saja ke--?**

SAI: Ada. Ada pada ketika ketika tertentu terutama masa anak-anak dah besar pada ketika itu, beliau ada mengambil upah menjahit dan sebagainya. Tapi tidaklah secara *regular*, kadang-kadang lebih kepada nak membantu jiran tetangga, sahabat handai. Tapi lebih kepada -- kepuasan dirilah. Untuk rumah, untuk mahu rumah kelihatan ceria. Jadi nak buat langsir ketika hari raya contohnya. Jarang sekali pergi upah buat di kedai ke, kecuali hasil tangan sendirilah.

**SIK:** Seterusnya, kita akan masuk kepada soalan yang lain. Soalan ini mungkin sedikit -- ramai orang yang akan mengelak menjawab soalan ini. Tidaklah berkontroversi tetapi mungkin ada sesetengah tokoh lebih gemar untuk menyimpan isu ini sebagai sebuah rahsia ataupun privasih. Jadi, sekiranya Tuan tidak keberatan untuk menjawab soalan ini, saya teruskan. Setahu kami, Prof sudah mendirikan rumah tangga. Bolehkah Prof kongsikan nama isteri Prof?

**SAI:** Sudah berumahtangga. Berumah tangga pada tahun 1985. Isteri bernama Jamaliah binti Mohamed Yusop.

**NHM:** Boleh tak kalau Professor ceritakan sedikit tentang kisah perkahwinan, dimana bertemu?

**SAI:** (Ketawa besar) Ini kisah silam lah. Bertemu semasa kami belajar di Politeknik Kuantan. Sekarang ni Politeknik Kuantan ni dinamakan Politeknik Sultan Ahmad Shah. Kampusnya di Gambang, rasanya. Masa saya dulu belum ada kampus lagi. Disitu lah kami bertemu. Dan isteri datang dari keluarga peneroka FELDA, yang berlokasi di Raub, Pahang. Sangat sukar pada ketika itu untuk pergi ke FELDA di Raub, Pahang. Kerana pada tahun itu, atau tahun tersebut -- dikawasan seperti Raub, Kuala Lipis semua tu, dibawah perintah darurat iaitu *di-curfew* pada malamnya khususnya bermakna kita tak boleh keluar daripada pukul 6 petang hingga 6 pagi. Tak boleh keluar tak boleh masuk. Dan, *quite interesting* sebab tak pernah experience keadaan itu. Dan sekarang ini kita experience lockdown. So nasib baik dah experience dulu yang itu, kira macam takde isu lah *basically*. Jadi kami bertemu ketika belajar di Kuantan --. Dan saya sebut tentang perkahwinan pada tahun 1985. Disember 1985. Tidak lama selepas itu, saya pergi melanjutkan pengajian ke United Kingdom. Jadi maknanya saya pergi belajar bersama dengan isteri. Kalau tidak pergi belajar bersama isteri, maknanya pergi belajar bujang, dibimbangi balik membawa si mata biru (ketawa kecil).

**NHM:** Ok, soalan seterusnya. Adakah keluarga Tuan mengetahui tentang aktif tuan dalam bidang seni bina dan arkitek ni? Dengan tentang penglibatan Tuan dalam bidang yang memberangsangkan?

SAI: Mungkin dia mereka tidak mengetahui secara spesifik. Tidak apa. Istilah seni bina tu pun agak -- jarang didengar oleh orang ramai. Tapi ayahanda, Syed Ariffin, sebagai seorang guru besar lebih mengetahuilah sebab beliau lebih terdedah kepada bidang professional. Dan kebetulan ayahanda saudara adalah seorang *engineer*, seorang jurutera. Jadi sedikit sebanyak nasihat daripada ayahanda saudara ini juga membantulah dalam memilih bidang seni bina. Bidang seni bina ini, mungkin mereka nampak, saya sendiri tak pernah bertanya sama ada mereka tahu atau tidak tapi mereka mungkin nampak menerusi macam keinginan saya, penglibatan saya dalam aktiviti-aktiviti keluarga, apabila kenduri-kendara, majlis perkahwinan dan keinginan saya dengan sukarela terlibat dalam membantu menyiapkan benda-benda barang hantaran ke apa semua. Benda yang memerlukan kerajinan tangan, ketelitian tangan, itu sangat selesa dan mudah bagi saya. Kalau pengajian seni bina tahun satu contohnya kita akan buat model -- pelbagai jenis model menggunakan bahan-bahan yang halus, kadang-kadang lidi, menggunakan gam, dan sebagainya. Jadi keadaan itu memerlukan mata yang tajam, yang cekap, tangan yang teliti dan hati yang sabar, yang cekal. Jadi latihan itu dah diperolehi masa dirumah sama-sama dengan bondalah *basically*. Jadi daripada situ mungkin dia menyedari dalam peringkat itulah, tapi secara detail bidang buat apa berapa *credit* ke apa semua pun mungkin dia tak tahulah.

**NHM: Ok, kita berpindah ke soalan seterusnya iaitu soalan umum. Boleh tak kalau kami nak tau dah berapa lama Professor menceburi dalam bidang seni bina ni?**

SAI: Sekejap eh (kelihatan terganggu). Macam suara halus sangat (membetulkan sesuatu). Ok, sila ulang soalan.

**NHM: Boleh tak kalau kami nak tahu, dah berapa lama Professor menceburi bidang seni bina ni?**

SAI: Menceburi bidang seni bina eh. Ok sejak semasa disekolah, penglibatan sekolah menengah penglibatan dalam bidang seni adalah sedikit-sedikit contohnya saya mereka bentuk pakaian – pasukan rumah, Rumah Bendahara. Jadi ada satu pakaian untuk -- kita ada pertandingan kawad. Pertandingan-pertandingan kawad pasukan rumah, rumah Rumah Bendara, Rumah Laksamalah apa semua namanya. Jadi ada perbarisanlah. Jadi saya reka bentuk pakaian. Kat situ ada unsur-unsur seni lah dalam mereka bentuk pakaian. Itu contohlah, terlibat juga dalam majalah sekolah. Jadi, majalah sekolah tu kita kena reka bentuk kulit dia, cara atur huruf, letak muka surat apa semua. Tapi, detik yang paling penting adalah bila masuk ke politeknik di Kuantan [Dikenali sebagai Politeknik Sultan Ahmad Shah] mengambil jurusan senibina – jadi situ dah macam memetrai kan hala tuju yang lebih jauh. Daripada situ, masuk ke UTM bidang yang sama. Tapi kali ini bidang itu menjadi lebih jelas, nampak bahawa profesi yang akan saya akan jadi di penghujungnya adalah seorang arkitek. Selepas daripada UTM melanjutkan pengajian ke United Kingdom untuk mendapat professional bahagian 1 dan 2. Dan memang jelaslah situ, tapi bila naik ke atas tu dia bercambah minat. Saya lebih minat kepada aspek-aspek falsafah, aspek-aspek teori, nilai-nilai Islam dalam kesenibinaan. Saya lebih nampak, orang kata, “lagi banyak yang kita tahu, lagi banyak yang kita tak tahu”. Sebab semakin terasa luas dunia ini lah basically. Alam semesta ini tidak mungkin dapat diterokai sepenuhnya oleh manusialah sebab keluasan yang sangat-sangat hebat. Jadi makin terasa sangat luas, semakin terbuka minat – jadi mula cenderung kepada bidang falsafah, bidang-bidang epistemologi, entologi. Bidang psikologi juga – environmental psychology maknanya memahami tingkah laku manusia dalam sesebuah ruang, bagaimana manusia bertindak balas dengan ruang, kualiti ruang yang disediakan oleh seseorang arkitek. Rupanya dalam bidang seni bina itu ada banyak pengkhususan-pengkhususan lain. Jadi meneruskan pula dengan Ijazah Sarjana, selepas degree tu – dalam bidang *heritage* iaitu warisan, warisan seni bina. Jadi seni bina ini, adalah manifestasi sesebuah budaya, bangsa. Jadi kalau bahasa jiwa bangsa, seni bina itu ibarat pekerti sebuah bangsa – *the character of a nation is represented in the architecture*. Jadi kalau hilang karakter ini, hilang lah jati diri bangsa itu. Jadi, menyebabkan saya rasa terpanggil untuk menceburkan diri dalam bidang pengkhususan warisan seni bina dan perlunya tindakan melindungi memelihara seni bina. Dan akhir sekali bila PhD, saya mendalami lagi bidang-bidang yang berkaitan dengan heritage atau warisan, bidang-bidang falsafah, begitulah. Jadi bila pergi ke

specialization, pada asalnya nak menjadi seorang arkitek tu, saya menemui satu – aspek lagi iaitu menjadi seorang ahli akademik. Sebagai seorang ahli akademik, saya perlu menggabung-jalin antara dunia professional dan dunia akademik. Jadi saya kena gabungkan dua dunia itu. Dan, disitulah sekarang saya berada.

**NHM: Kiranya Professor start minat dalam bidang seni bina arkitek bermula dari sekolah rendahlah, dari bangku sekolah lagi?**

SAI: Daripada sekolah menengahlah.

**NHM: Dalam perjalanan nak – setiap kali kita nak mencapai kejayaan ada jatuh bangun dia. Kalau Professor agaknya jatuh bangun tu ada tak dalam mencapai kejayaan?**

SAI: Sudah pasti (menyentuh dagu). Jatuh bangun ni satu bagusnya adalah apabila kita jatuh, kita --terkejut. Dan kejutan itu menyebabkan kita bingkas bangun. Bukan meratapi kejatuhan itu tapi perlu bingkas dan bangun dengan segera dan mengorak tekad baru berazam kuat untuk melakukan yang terbaik dan tidak mengulangi kejatuhan sama lagi. Saya tidak mendapat keputusan SPM yang cemerlang walaupun berada di SBP berbanding dengan rakan-rakan yang lain. Jadi, saya perlu melalui – tidak boleh naik lift lah, tak boleh ikut lift untuk pergi ke atas jadi saya kena ikut tangga jadi perjalanan sedikit jauh daripada rakan yang lain. Tetapi, kalau naik lift – satu masalah naik lift ni dia laju, dan bila laju kita terlepas melalui ranjau ranjau yang ada jadi kita takde pengalaman itulah. Jadi mungkin telah diatur oleh takdir begitu, jadi saya melalui tangga-tangga yang berliku yang telah membantu mematangkan diri --. Jadi, itu satu yang jatuhnya yang saya terasa sangat tetapi saya kembali ke universiti daripada politeknik tu masuk ke universiti. Pada masa tu rakan-rakan sebaya satu kelas mungkin dah nak hampir tamat pengajian mereka sedangkan saya baru nak join diploma di UTM. Dan selepas itu tidak ada lagi toleh ke belakang, tidak lagi ada jatuhnya, semuanya bagaikan manusia kelaparan mahukan ilmulah. Pada ketika itu – bukan lagi sijil yang dikehjarnya, bukan lagi sijil kertas yang dikehjarnya tapi ilmu yang hendak dicari. Dia dah tukar – pemikiran tu dah bertukar jadi begitu.

**SIK:** Ok, seterusnya kami nak tahu kenapa Prof memilih untuk ke arah bidang akademik arkitektur maksudnya bidang akademik khusunya dalam seni bina daripada menjadi seorang arkitek professional. Kenapa – mesti ada sebab tertentu kenapa Prof memilih jalan tersebut dan kenapakah itu pilihannya?

SAI: Ok, *very interesting question*. Mungkin kadang-kadang sukar nak difahami oleh orang yang luar yang tidak berada dalam--. Tapi saya akan kongsikan pilihan saya dan pendirian saya. Saya kerap memerhatikan rakan-rakan yang sejawat dalam universiti yang berlatarbelakangkan seni bina. Yang menjadi pensyarah, mengajar bidang-bidang seni bina dan mereka juga pada masa yang sama menjadi arkitek professional. Ada setengah daripada mereka ada firma mereka sendiri di luar. Dan mereka ada dua pejabatlah, satu diluar sebagai seorang arkitek professional dan selepas itu mengajar di dalam universiti. Dan saya lihat sukar mereka mengimbangi kedua-duanya. Kerapkali komitmen sebagai ahli akademik itu terabai kerana tuntutan yang sangat mendesak di firma masing-masing. Firma arkitek untuk makluman adalah menjalankan bisnes, dia bukan sahaja tentang ilmu seni bina itu tetapi menjalankan bisnes, ada kaitan dengan untung rugi. Sebab apabila kita memberikan khidmat kepada klien, kita akan dibayar dengan yuran professional. Lepastu kita ada pekerja kita yang membantu kita yang perlu dibayar gaji mereka. Dan premis tempat pejabat itu diletakkan perlu dibayar sewanya dan pelbagai kos-kos lain, cukai dan sebagainya. Jadi, dia adalah satu bisnes yang perlu diurus dengan baik. Jadi, itu satu perkara. Perkara kedua adalah, sebagai seorang professional kita memberikan khidmat kepada klien. Kita perlu memberikan khidmat yang terbaik supaya klien berpuas hati dengan khidmat kita dan mungkin akan melantik kita lagi kemudiannya. Di Malaysia, tidak seperti mana bidang perubatan – seseorang pesakit tidak akan mempersoalkan *charge* yang akan dikenakan oleh seorang doktor. Seseorang pesakit juga tidak akan mempersoalkan ubat yang diberikan oleh seseorang doktor. Kalau dia beri *panadol*, maka *panadol* yang kita akan telan. Dan kalau dia kata 30 ringgit *charge*-nya, maka kita pun terus membayar. Tidak pernah saya saksikan mana-mana pesakit atau mana-mana orang yang datang ke klinik membuat – mintak tawar harga, mintak diskau. Tidak pernah lagi. Tapi malangnya di bidang seni bina, hal yang berkaitan dengan yuran professional kerap dipermain-mainkan oleh pemaju dan oleh klien. Arkitek sukar mendapat yuran professional yang penuh sepertimana yang ditetapkan dalam Akta Arkitek. Ini ada kaitan dengan budaya industri di negara kita la. Dan ada

juga berkaitan dengan sikap segelintir arkitek yang tidak mematuhi peruntukan berkaitan dengan charge atau yuran professional yang ditetapkan dalam akta arkitek. Dan klien pulak, dia dalam –. Tidak seperti doktor, arkitek perlu memuaskan hati klien iaitu orang yang membayar khidmat itu, orang yang membayar khidmat arkitek. Tapi pada masa yang sama, arkitek juga perlu memuaskan hati pengguna bangunan itu nanti. Apabila bangunan itu siap, pengguna bangunan itu iaitu kita-kita semua masyarakat yang pergi ke *shopping complex* apa semua, happy dengan bangunan dan suasana dalam bangunan itu kerana ia disediakan direkabentuk oleh seorang arkitek. Kalau dia suka dia akan memuji, kalau dia tak suka dia akan mengutuk reka bentuk seseorang arkitek. Jadi arkitek ada dua pihak yang dia perlu layan, satu yang aktif, satu yang pasif. Kalau klien itu seorang yang sealiran dengan seseorang arkitek, maknanya dua-dua mahukan yang terbaik untuk pengguna, pengguna bangunan – bagus. Tetapi kalau klien itu hanya mahukan apa yang terbaik untuk dia dan bukan yang terbaik untuk pengguna, jadi arkitek itu akan berhadapan dengan masalah dan ccabaran mengimbangi kehendak klien dengan keperluan pengguna. Dan kerapkali, dia sukar mencapai keseimbangan itu. Jadi, banyak situasi arkitek professional ni akan hadapi. Jadi, dia juga meme-memegang liabiliti. Liabiliti ni, macam tanggungjawab ya, tanggungjawab – yang sangat berat apabila sesebuah bangunan itu direkabentuk ialah seorang arkitek dan pelan bangunan itu di-submit ke majlis perbandaran untuk kelulusan sebelum dibina, seseorang arkitek itu perlu bertanggungjawab ke atas reka bentuk bangunan itu, selagi mana dia hidup selagi mana bangunan itu ada. Bayangkan, kita perlu bertanggungjawab. Sedangkan anak yang dilahirkan oleh seorang ibu itu pun, terputus tanggungjawab secara rasminya apabila anak itu menempuh hari dewasa mereka. Selepas akil baligh, dia menanggung dosanya sendiri – tidak lagi oleh kedua ibu bapanya. Tapi arkitek ini perlu menanggung reka bentuk yang dihasilkan. Lagi teruk lagi kalau bangunan itu runtuh apa semua, memang arkitek tidak boleh tidur malamlah *basically*. So, banyak cabaran, banyak risiko dan mungkin tidak dibayar setimpal seperti apa yang dia lalui cabaran itu. Dan akhirnya suasannya sangat stressful, silap haribulan dia boleh menekan seseorang arkitek itulah basically. Jadi hanya orang yang bukan calang-calang, yang berdaya tahan yang tinggi yang mampu menempuh cabaran itu dan menjadi seorang arkitek yang kental. Jadi dalam pada itu, sukar baginya untuk berjiwa bebas – untuk meneroka aspek-aspek lain, bidang-bidang lain, pemikiran lain, tidak ada masa untuk itu. Jadi, tadi saya sebut tentang ketika belajar, saya suka pergi meluaskan bidang itu

kepada pengkhususan- pengkhususan tertentu. Jadi bidang akademik ini memberikan ruang itu untuk jiwa dan bidang saya meneroka dan mencari ilmu-ilmu baharu, pemikiran-pemikiran baru. Jadi, menggabungkan kedua-duanya meneruskan bidang seni bina dalam ruang lingkup akademia memberi kepuasan kepada jiwa dan minda saya. Dan saya masih lagi boleh menyumbang kepada masyarakat dan negara daripada sudut itu, walaupun tidak menjadi seorang arkitek praktis secara aktif. Saya masih terlibat dalam kerja-kerja perundingan bersama atau membantu arkitek professional. Itu masih saya buat kerana saya percaya saya perlu mengasah kemahiran professional saya dari masa ke semasa walaupun tidak bercadang untuk menjadi arkitek professional. Jadi yang terbaik pada sudut pandang saya adalah mengimbangi antara dunia teori dan dunia praktis, dan berada dalam dunia akademi sambil mengimbangi keperluan professional. Demi kepentingan pelajar lah--. Panjangnya jawapan ni (tersenyum kecil).

**SIK: Takpe, jawapan yang panjang yang penuh maklumat dan pengalaman tu sangat kami alu-alukan. Jadi, apa yang kami dapat simpulkan pada soalan tadi adalah Prof memilih mengajar bidang seni bina kerana dapat menemui keseimbangan antara menjadi seorang arkitek dan juga seorang pendidik yang dapat membantu untuk meluaskan lagi, mengembangkan lagi bakat dan juga kepakaran Prof Syed dalam bidang seni bina, betul?**

SAI: Betul (angguk kepala).

**SIK: Ok. Jadi, semestinya dalam apa apa bidang sekalipun yang kita ceburi pasti, pastinya kita akan ada satu figura yang kita sentiasa pandang tinggi dan mungkin menjadikan seseorang itu sebagai rujukan dalam bidang tersebut. Jadi, kalau dalam industri seni bina ini, boleh ke kami nak tau, siapakah figura yang Prof Syed sangat kagumi dan mungkin mengambil contoh daripada apa yang telah beliau lakukan.**

SAI: Ok (membetulkan postur), ada beberapa individulah dan berkait juga dengan sudut pandang yang saya nyatakan tadilah, sebagai seorang ahli akademik yang suka mengimbangkan antara dua dunia iaitu dunia teori dan dunia praktis. Pertama, penyelia semasa saya membuat penyelidikan doktor falsafah iaitu, Professor Paul Oliver. Paul Oliver. Beliau telah meninggal dunia kira-kira tiga tahun yang lalu. Beliau menggabungkan dunia seni bina, *architecture* dengan dunia antropologi, bidang antropologi. Antropologi ini satu bidang pengkhususan yang ada kaitan dengan kajian ke atas manusia dan kehidupan mereka lah. Dan beliau saya kagumi sebagai seorang individu telah memberikan fokus dan dedikasi beliau kepada bidang seni bina dan budaya – pelbagai tempat di serata dunia beliau telah menjelajah banyak tempat di dunia ini hampir kesemua benua dan mengumpul pelbagai maklumat, sumber- sumber, buku-buku, artikel. Dan saya sendiri pernah lihat kompilasi ataupun koleksi ini dalam simpanan beliau di rumah dan juga di pejabat. Dan apabila beliau meninggal, beliau telah menyerahkan khazanah koleksi personal ini kepada sebuah universiti di United Kingdom untuk kdisimpan dan dijadikan pusat rujukan dunia. Jadi sangat hebat orang yang seperti ini, beliau juga seorang--. Salah satu karya agungnya adalah beliau menjadi contributor editor kepada sebuah ensiklopedia seni bina vernakular dunia, yang ada tiga jilid. Dan sehingga kini dan saya pasti sehingga akan datang nanti, hasil buku dan penulisan beliau akan menjadi rujukan – tetap akan menjadi rujukan peringkat dunialah. Memang hebat dan saya sangat kagumilah sumbangan beliau kepada keilmuan khusunya dalam bidang hubungkait antara budaya dan seni bina. Itu Paul Oliver. Di Malaysia, kalau seorang arkitek being practice, saya ingin namakan Ar. Hajeedar, Datuk Ar. Hajeedar Abdul Majid. Beliau sangat cekap melakar, malah pada satu ketika – menuaikan haji dan umrah, beliau juga melakar. Maknanya menggunakan pensil atau pen dengan tangan dan notepad. Kalau kita bawak camera, mungkin kita akan ditangkap – dan tidak dibenarkan mengambil gambar. Tapi beliau tak bawak camera, beliau hanya melakar. Tapi itu pun dipersoalkan oleh polis Arab Saudi. Walaupun tidak ada alat yang digunakan hanya jari-jari dan pensil. Dan beliau telah mereka bentuk pelbagai bangunan di—bangunan-bangunan terkenal di Malaysialah dan seorang arkitek yang sangat kreatif dan sangat berpengaruh dan merupakan antara arkitek perintis di negara inilah. Dan disamping itu, beliau juga sangat aktif terlibat dalam dunia akademik maknanya menyumbangkan ilmu dan pengalaman beliau kepada pelajar di universiti, kerap diundang oleh universiti. Biasa juga dilantik sebagai Professor *Adjunct* [*Adjunct*

*Professor]* di universiti – di beberapa universiti. Saya kenal agak rapat juga dengan beliau, sangat mudah untuk dibual bicara, memberi pandangan, pengalamannya sangat luas. Dan seterusnya, saya ingin namakan seorang tokoh akademik yang banyak pengalaman dalam dunia akademik – saya namakan Professor Parid Wardhi Sudin. Parid Wardhi bin Sudin. Beliau adalah mantan Dekan Fakulti Alam Bina di Universiti Teknologi Malaysia [Juga dikenali sebagai UTM] semasa kampus UTM masih di Jalan Gurney yang kemudiannya dipanggil Jalan Semarak dan kini dipanggil Jalan Sultan Yahya Petra – di lokasi yang samalah. Dan juga pernah menjadi Ketua Jabatan Seni Bina di fakulti yang sama. Saya tidak dapat bayangkan cabaran yang beliau hadapi semasa menuju Jabatan Seni Bina pada ketika awal kemerdekaan negara kita lah dalam keadaan serba kekurangan pada masa itu, negara juga ketiadaan arkitek. Arkitek-arkitek *expatriate* yang berkhidmat dibawah pentadbiran British, satu-satu, satu demi satu pulang balik ke tanah air mereka dan kita perlu menyediakan tenaga pakar professional arkitek kita sendiri sedangkan kita tidak mempunyai yang cukup. Jadi kerajaan terpaksa menghantar ramai pergi belajar ke luar negara dan menuju universiti untuk menghasilkan arkitek-arkitek muda untuk berkhidmat kepada negara. Jadi keadaan ketika itu dalam keadaan serba kekurangan serba tak cukup serba tiada, dan beliau menjadi seorang ketua jabatan dan dekan untuk dibebankan dengan tugas itu. Walaupun saya sendiri pernah menjadi Ketua Jabatan Seni Bina, walaupun masih ada kekangan seperti biasa, saya percaya tidak akan terhenti – tapi cabaran pada-pada masa beliau menjadi dekan, ketua jabatan, saya ingat sangat mencabarlah – sangat mencabar. Dan disamping itu beliau juga pernah menjadi presiden pertubuhan arkitek Malaysia iaitu satu pertubuhan yang dibawahnya semua arkitek professional bernaung di Malaysia. Dan dia pernah menjadi presiden pertubuhan itu dan sangat berpengaruh orangnya – kemahiran dalam berucap yang sangat hebat. Dan jawatan terakhir beliau adalah beliau berkhidmat sebagai macam – Naib Canselor kepada *Lim Kok Wing University of Creative Technology*. Kini, beliau saya ingat sudah bersara, umur pun mungkin telah lebih 75 tahun tapi masih lagi cekap, masih lagi aktif dan masih lagi diundang dari semasa ke semasa untuk memberi syarahan dan memberi input-input kepakaran. Semua orang-orang yang saya sebutkan – individu yang saya sebutkan tadi berada dalam bidang yang sama, seni bina – tapi masing-masing berada pada fokus dan cabaran yang tertentu. Professor Paul Oliver mengembangkan ilmu seni bina khususnya berkaitan dengan budaya dengan kemanusiaan secara mendalam dan secara lebih luas. Ar. Hajeeedar orang yang

sangat berpengalaman dalam bidang praktis, asam garam melaksanakan bisnes dalam bidang seni bina di dunia sebenar – di dunia realiti, bukan dunia akademik dalam kampus tapi dunia realiti. Apa yang saya ajar kepada pelajar kebanyakan berlegar di sekitar dunia kampus walaupun kita cuba *simulate* – simulasikan dunia sebenar tetapi dia masih lagi bukan dunia sebenar. Tapi Ar. Hajeedar berhadapan secara langsung, secara berdepan dengan cabaran dunia sebenar—dunia realiti. Aspek politiknya, aspek kewangannya, aspek perundangan, aspek legislatif, pelbagai kesukaran dan cabaran yang perlu dihadapilah untuk menghasilkan sesuatu reka bentuk, tidak mudah. Sebab itu, untuk menyiapkan sesuatu bangunan biasa ambik paling cepat pun 18 bulan tapi biasanya 2 tahun 3 tahun itu perkara biasa. Dan Professor Emeritus Parid Wardhi tadi, adalah tokoh akademik yang khidmatnya banyaknya di dalam universiti – dalam konteks pendidikan negara dalam bidang khusus seni bina dan kepimpinan tinggi akademik. Jadi, itu tiga orang yang dapat dinamakan yang sedikit sebanyak memang memainkan peranan dalam mempengaruhi dan membantu mematangkan diri saya sebagai ahli akademik dalam bidang seni bina.

**SIK:** Ok, kami juga turut berterima kasih kepada ketiga-tiga figura tersebut yang pastinya kerana tanpa mereka inspirasi mereka mungkin pada hari ni kami pun tak dapat nak mengadakan temubual dengan Prof Syed. Ok, seterusnya – sekiranya—seseorang, seorang yang biasa, orang biasa datang berjumpa dengan Prof Syed, bertanyakan—meminta Prof untuk menerangkan secara dengan ringkasnya apakah maksud seni bina dalam orang kata *layman's terms*?

SAI: Senibina tidak ubah seperti pakaian kita. Apa yang kita pakai adalah cerminan kepada naluri kita. Adalah manifestasi kepada budaya dan kehidupan kita. Cumanya seni bina itu lebih luas dari berpakaian. Seni bina itu mewakili bukan seorang individu tapi kumpulan-kumpulan individu dalam sesebuah masyarakat. Jadi dia adalah cerminan sebuah budaya. Kita boleh mengenali sesebuah budaya bangsa tersebut menerusi seni binanya. Justeru, seni bina tidak mampu untuk menipu. Seni bina adalah manifestasi jujur sesebuah budaya sesebuah bangsa di negara tersebut. Sebagai seni bina yang mentafsirkan kehidupan, ia juga menterjemahkan tindak balas kita kepada iklim, tindak balas kita kepada sosioekonomi maknanya kemampuan kita untuk mendirikan seni bina itu. Kalau kita kaya raya, mungkin seni bina itu lebih mewah. Kalau kita tidak mampu, seni bina itu setakat biasa-biasa saja. Dibuat

daripada kayu, yang mewah dibuat daripada batu. Jadi, secara tidak langsung seni bina itu persis seperti pakaian yang kita pakai.

**SIK: Ok, seterusnya bolehkah Prof menceritakan apakah asal-usul seni bina, siapakah yang mencipta terma seni bina ini, sejarah-sejarahnya?**

SAI: Ok, pengajian seni bina tidak bermula dari budaya timur. Daripada budaya melayu memang tidak. Tapi dalam budaya Melayu kia ada tukang rumah. Si tukang inilah yang mendirikan rumah. Apa yang tukang lakukan, tidak dihujahkan tidak bicarakan tidak diperdebatkan kepada umum – ia menjadi ilmu tersendiri yang disimpan oleh si tukang. Hanya dengan yang belajar dengan si tukang sajalah yang akan mendapat ilmu tersebut. Jadi pengajian seni bina memang tidak wujud pada ketika itu. Di barat, ilmu seni bina itu telah dijadikan satu pengajian formal – ertiinya ada institusi yang mengajar ilmu seni bina. Oleh itu, dia mampu melahirkan ramai lagi orang yang berkemahiran, berkepakaran dalam bidang seni bina. Tetapi, asalnya adalah daripada zaman Greek lagi – daripada zaman Greek iaitu Zaman Yunani dan Zaman Rom pada ketika itu sudah ada arkitek, orang yang merekabentuk *collosseum*, *pantheon*, *parthenon* – itu semua direka bentuk oleh arkitek-arkitek hebat pada ketika itu. Daripada istilah Greek, arkitek itu merujukan kepada architechton. *Archi* dan *techton*, kombinasi antara *archi* dan *techton*. *Archi* ni dia seperti *master*, dan *techton* ini pulak adalah seperti pembina ataupun jurubina ataupun *builder*. Jadi, *architechton* atau arkitek itu adalah *master builder*. Itu kata asas istilah tersebut, yang dipinjam oleh Bahasa Inggeris sekarang. Jadi seorang arkitek itu adalah seorang *master builder*. Itu istilah yang difaham daripada Barat. Dan *master builder* pada ketika itu adalah orang-orang yang hanya dimampukan untuk diambil khidmatnya oleh raja-raja, ketua-ketua negara, istana dan sebagainya. Jadi, menghasilkan seni bina itu sesuatu yang mahal, sesuatu yang mewah – yang hanya mampu dimiliki oleh pembesar-pembesar, hartawan, bangsawan, aristokrat. Dan bangunan-bangunan yang tersergam indah gah dan indah ini terletak strategik di kawasan perbandaran, dikawasan-kawasan dimana wujudnya tamadun dan peradaban. Dan lama kelamaan, pemahaman ini, budaya ini merebak ke tamadun barat. Ia membentuk kefahaman seni bina dari perspektif tamadun Barat. Jadi seni bina itu kalau dilihat dalam buku-buku sejarah seni bina, ditafsirkan oleh pengarang buku tersebut sebagai sesebuah bangunan (bunyi kucing mengiau) yang mewah, yang dimiliki oleh istana, dimiliki

oleh sultan, raja, king queen, hartawan bangsawan aristokrat dan sebagainya. Jadi, saya ingat lagi semasa zaman belajar dulu, seni bina memang digambarkan seperti itu. Maknanya rumah pondok, yang dibuat daripada atap itu tak masuk dalam buku itu – seolah-olah ia bukan seni bina. Itu kedudukan asal seni bina. Ia dibina oleh seorang *master builder*, seorang yang hebat, yang tuannya yang *client*-nya adalah juga seorang hebat, kumpulan individu yang hebat, yang menguasai ekonomi kedudukan politik mereka dan akhirnya yang mereka hasil pun juga bangunan yang hebat-hebat yang sampai sekarang setelah 2000 3000 tahun masih berdiri tegak lagi bangunan tersebut. Itu kefahaman awal seni bina. Tapi kemudiannya, para pengkaji, para ilmuan telah menangkis kefahaman sedemikian, dan kita tidak lagi faham seni bina sebegitu rupa seperti yang saya sebut tadi, seni bina adalah manifestasi budaya sesebuah masyarakat di sesebuah tempat – manifestasi jujur. Kalau sosioekonomi mereka di taraf yang rendah, yang sesuai dengan keadaan mereka, mereka tidak memerlukan pun dengan kemewahan – maka senibina yang jujur dan ikhlas untuk mereka itulah seni bina mereka, dan kita perlu terima itu sebagai hakikat yang sebenarnya dan kita tidak perlu memperlekehkan seni bina sedemikian. Malah kita tidak ada hak pun untuk berbuat demikian. Jadi ini memberi satu perspektif baru tentang kefahaman, apa itu seni bina. Dan daripada perspektif Islam pulak, seni bina ditafsirkan berbeza seperti apa yang saya sebutkan tadi sebagai *master builder*. Seni bina daripada perspektif Islam adalah satu proses untuk memakmurkan alam bagi tujuan kesejahteraan manusia. Jadi perlu ada keseimbangan antara keperluan manusia, keharmonian dengan alam dan tidak mendatangkan mudarat kepada semua – sama ada alam sekitar maupun manusia. Jadi daripada perspektif Islam tidak menyebut secara spesifik dia perlu ada bumbung, dinding ataupun bentuk fizikal – tetapi apa saja intervensi campur tangan manusia ke atas alam ini mestilah sesuatu yang memakmurkan, sesuatu yang mengimbangi, sesuatu yang mendatangkan kesejahteraan dan tidak memudaratkan alam sekitar dan manusia. Jadi, dia lebih macam fleksibel – lebih meluas dan tidak berbentuk eksklusif berbanding *master builder* tadi. Betul ke ini respon kepada soalan tadi (ketawa kecil)?

**SIK: Betul, betul dan sangat terperinci. Kami sangat suka cara Prof menerangkan sesuatu soalan tu. Satu soalan tu simple je tapi Prof pecahkan kepada beberapa seksyen dan bahagian dekat dalam tu. Jadi, sangat orang kata sangat macam textbook lah (tersengih).**

SAI: (tersengih dan ketawa kecil)

**SIK: Ok, jadi saya rasa Husna pun ada soalan.**

**NHM: Ok, macam projek yang kami sedang lakukan ni, memfokuskan ke arah seni bina sebuah masjid. Jadi saya nak tanya pendapat Prof, adakah Prof merasakan yang seni bina masjid ni merupakan satu perkara yang menarik? Dan apakah beza seni bina masjid dengan seni bina bangunan-bangunan yang lain?**

SAI: Ok, kita sampai ke topiknya lah (ketawa perlahan). Kebetulan, hal yang berkaitan dengan seni bina masjid memang bidang yang saya kerap perhalusilah. Malah, pada ketika ini saya sedang menyediakan modul untuk kursus masjid untuk ditawarkan kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan pengurusan masjid seperti AJK masjid ke, jabatan agama islam negeri ke – yang terlibat dalam pengurusan masjid. Jadi, pertama sekali kita kena faham tentang takrifan masjid tulah. Masjid daripada perkataan arabnya, sajada – yang ada kaitan dengan bahasa melayu juga meminjam istilah arabnya iaitu sujud. Kita panggil tikar sembahyang kita panggil sejada, juga daripada kata asal yang sama. Jadi maknanya, mudahkan cerita – adalah tempat dimana kita bersujud. Itu *masjid*. Secara linguistik, itu definisinya. Tapi masjid seperti yang mana kita paham di Malaysia, dia satu tempat yang telah diperuntukan oleh Majlis Agama Islam Negeri untuk mendirikan solat fardhu dan solat jumaat. Kalau yang dibenarkan solat fardhu tapi tidak boleh solat jumaat – dipanggil surau. Dia ada juga dalam setiap negeri di Malaysia ini, ketetapan bagi surau dan masjid. Surau takde dalam Bahasa Arab, mereka panggil surau itu masjid juga. Sebab budaya Arab ni dia – dia ada musollah. Musollah ni kat mana-mana je lah. Musollah. Kat bawah pokok pun musollah, pun boleh juga ataupun satu tempat khas boleh juga jadi musollah kat airport contohnya. Malah di negara Arab pun, dia tidak buat musollah atau surau di airport, dia ada masjid di tepi airport. Kalau nak solat pergi ke masjid sana. Tapi budaya kita banyak, *praying room* atau pun kadang dipanggil surau, di merata tempat di stesen bas pun ada, malah di pejabat pun ada, di hotel pun ada. Itu kelainan antara budaya Timur Tengah dengan budaya kita lah. Tapi, saya nak nyatakan tadi bahawa ada undang-undang yang dibentuk bagi mengawalselia ketetapan kewujudan surau dan masjid di dalam negara ini. Jadi yang jelas adalah – surau, surau jumaat seperti surau di Angsana [Angsana Mall Johor Bahru], kalau biasa

pergi surau di Angsana itu surau itu surau jumaat. Maknanya ketika hari Jumaat boleh buat solat Jumaat. Lepas itu ada masjid – masjid ini boleh buat solat fardhu dan solat jumaat. Itu kategorinyalah secara umum. Ok, masjid—seni bina masjid kalau kita boleh letakkan hierakilah bagi orang dari budaya Islam, hieraki bangunan. Bangunan yang paling terpenting dalam dunia Islam sudah tentu tiga masjid suci yang berada di Semenanjung Arab dan Palestin. Masjidil Haram, Masjid Nabawi di Madinah dan jugak Masjid Aqsa di Jerusalem. Ini tiga masjid—kedudukannya saya letak kalau piramid, di puncak atas sekali. Tidak ada lagi, hanya tiga ini sahaja. Bersolat didalamnya, 100 ribu sekali solat. Pahalanyalah, ganjaran pahalanya. Lepas itu, dibawahnya adalah bangunan masjid lain – yang diperuntukkan untuk solat fardhu yang lima dan juga solat jumaat. Dan dibawahnya, kategori surau tadilah. Dan dibawah--lagi, barulah kita kata rumah, bangunan komersial semua tu, bangunan pentadbiran dibawahnya. Dari sudut perspektif keagamaan, daripada sudut hubungkait manusia dengan Tuhan-nya – begitulah secara ringkas gambaran yang boleh dilakarkan. Jadi maknanya kedudukan masjid itu sangat penting kepada kehidupan manusia khususnya orang Islamlah. Jadi kalau kita membina sebuah pertempatan, sebuah kedesaan, sebuah perbandaran, masjid itu mesti fikirkan kedudukannya. Dia tidak boleh dipinggirkan, dia mesti diletakkan di tempat yang strategik. Jangan kata masjid ini sebuah pusat ibadat semata- mata. Dia adalah satu pusat masyarakat juga – pusat masyarakat yang aktif. Dan sekiranya ia dihampirkan dengan pusat komersial, kawasan itu juga akan mendapat kemewahan, kemakmuran bersama yang wujud di masjid. Beratus, beribu orang akan berkerumun di masjid itu, pada waktu-waktu tertentu dan limpahan kerumunan manusia ini akan dinikmati juga oleh kedai-kedai yang berada sekitar. Jadi magnet masjid ni mampu menjadi magnet menarik kerumunan manusia yang boleh dimanfaati oleh pelbagai lapisan bisnes *basically*. Jadi saya tak bersetujulah kalau orang nak ceraikan masjid ni kat hujung sana dan kedai-kedai semua di sini. Sebab dalam sejarah Masjid Nabawi dahulu juga masjid ini dihubungkait dengan kewujudan pasar di kawasan Madinah. Sebab antara muamalat – dan antara ibadah, kita tidak pisahkan. Jadi masjid ini, adalah memanifestasikan hubungan manusia dengan Tuhannya. Hubungan kumpulan masyarakat – kumpulan manusia masyarakat suatu tempat dengan pencipta. Jadi kalau masjid itu makmur, bukanlah pada seni binanya tapi pada pengimaranan masjid itu. Seni bina ni ibarat pentas, dia menyediakan prop, membolehkan manusia menjalankan melakukan aktiviti mereka dengan selesa dengan selamat dengan mudah. Kalau seni bina gagal

menyediakan aspek-aspek itu, maka pengimaranan masjid akan terganggu. Jadi, maknanya kalau seni bina juga macam saya sebutkan tadi – seni bina tidak boleh menipu, maknanya kalau ada orang yang banyak duit membina masjid yang tersergam indah tetapi dalamnya kosong, sunyi sepi, tidak diimarahkan oleh masyarakat—maka terjadilah gajah putih dan seni bina yang ada disitu walaupun indah tapi tidak bermakna. Jadi seni bina berjalin-gabung dengan rapat dengan aktiviti dan fungsi dan peranan masjid itu. Boleh (ketawa kecil)?

**NHM: Ok, Iris ada nak tanya apa-apa lagi ke?**

**SIK: Boleh, jawapan tadi ok je, kami rasa jawapan yang sangat tentunya panjang tapi penuh dengan info-info yang tepatlah.**

SAI: Soalan itu mengundang jawapan yang panjang (tersengih).

**SIK: Itu satu keperluan, supaya temubual dapat dipanjangkanlah. Untuk makluman Prof Syed, hari ini kita akan menjalankan temubual untuk soalan orientasi dan soalan umum sahaja. Tempoh kita pun tadi satu jam, jadi kita dah sampai ke penghujungnya betul tak Husna?**

**NHM: Kita dah sampai ke penghujungnya untuk sesi pertama. Jadi untuk membincangkan tentang seni bina masjid ni lah. Jadi kami nak berterima kasih sebab Professor Dr Syed Ahmad Iskandar, boleh meluangkan masa bersama kami untuk menemubual serba sedikit tentang seni bina arkitek.**

**SIK: Jadi kita akan sambung sesi dua pada hari lain dan waktu lain.**

SAI: Adakah kita nak bergambar dulu (ketawa besar)?

**SIK & NHM: Boleh-boleh.**

- TAMAT TEMUBUAL -

## **SESI 2 (18 Jun 2021)**

**NHM: Assalamualaikum waramatullah hiwabarakatuh.**

**SAI:** Waalaikumsalam.

**NHM:** Kembali lagi pada malam ni, bersama kita Dr. Professor Syed Ahmad Iskandar bin Syed Ariffin dalam sesi temubual kedua pada tarikh 18 Jun 2021. Temubual ini ialah berdasarkan sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni bina dan arkitek Rakaman ini dijalankan pada tarikh 18 Jun 2021, dan temubual ini juga dikendalikan oleh saya, Nor Husna Mardziah binti Baharuddin dan juga Sharifah Iris Khaliesah binti Syed Ahmad Iskandar. Dengan segala hormatnya, temubual ini dimulakan.

**SIK:** Ok, jadi kita mulakan dengan soalan pertama daripada soalan khusus kita. Ok, jadi Prof, pada pendapat Prof apakah unsur seni bina yang paling sukar dibentuk di bangunan masjid?

**SAI:** Oh susah soalan ni (ketawa santai). Ok, mungkin sebelum itu elok difahamkan apa itu seni bina masjid. Dan apa itu masjid. Memang kita tahu apa itu masjid tapi mungkin elok kita segarkan minda kita tentang bangunan masjid itu. Jadi, masjid kita tahu ia adalah tempat ibadah umat Islam tapi ia bukan semata-mata tempat ibadah, bukan semata-mata tempat mengerjakan solat tapi lebih pada itu konsep ibadah itu lebih luas – ia juga merangkumi perkhidmatan kepada masyarakat, membantu masyarakat bersama-sama membangun. Jadi kalau contoh senang cerita kalau ada kemiskinan di kawasan kejiranan, kawasan kariah, masjid tidak boleh duduk diam. Jadi, para jemaah, ahli kariah dalam sesebuah kariah itu mesti menyumbangkan tenaga, wang ringgit membantu ahli-ahli jemaah yang lain. Sebab kalau itu tidak berlaku, seolah-olahnya solat jemaah kita itu macam tidak memberi kesan kepada hati dan gerak tindakan kita. Jadi masjid bukan sahaja tempat mengerjakan solat – dia adalah satu *catalyst* yang membangkitkan semangat dan kerohanian ahli kariah. Jadi besar peranan dia, dia macam pusat energi -- energi masyarakat itu. Jadi dalam konteks itu, seni binanya harus memberikan fungsi itu. Jadi masjid bukan sebuah bangunan untuk ditonton untuk dilihat dan terasa bangga dengan rupanya tapi masjid mestilah berfungsi dalam membantu membangunkan masyarakat. Itu saya ingat perlu

menghampakan (bunyi notifikasi telefon). Maknanya dia akan tersergam indah tapi tidak menjalankan fungsinya dengan betul. Yang itu sangat—berbahaya maknanya. Banyak gereja di negeri barat contohnya di England yang memang tersergam indah, tinggi melangit menaranya. Tapi dalamnya kosong. Tidak ada orang pergi untuk beribadat kecuali para pelancong datang untuk melihat bangunan tersebut. Jadi bangunan itu hanya akan datang maknanya bila ia digunakan sebaik-baiknya untuk memberi khidmat—menyembah Allah SWT dan juga mewujudkan sebanyak mungkin manfaat kepada masyarakat. Jadi tidak ada unsur spesifik yang—kalau ada pun para arkitek akan mencari bagaimana nak menjadikan sesuatu seni bina masjid ni negeri Johor adalah bersifat Johor. Maknanya dia tidak bersifat ke-India-an seperti di negara India atau ke-Arab-an seperti di negara Arab. Sebab itu dah tidak sesuai dengan tempat semangat dan jiwa setempat. Jadi dia mesti bersifat Johor. Lagak dan gayanya mesti – Johor. Jadi para arkitek akan memperjuangkan aspek itulah. Itu satu pencarian yang berterusan terutama dalam konteks kontemporari. Sebab rujukan yang kita ada adalah masjid-masjid tradisional, masjid-masjid pada zaman Kesultanan Johor seperti Masjid Abu Bakar dan kalau nak mencari yang moden, gaya rupa moden itu satu proses kreativiti dan inovasilah yang para arkitek kena perjuangkan. Ok.

**SIK: Ok. Jadi saya sebenarnya itu cukup menjawab sebenarnya kita ada nak tanya soalan kedua iaitu unsur seni --. Tadikan unsur seni bina paling sukar, dan jugak kita jugak nak tanya unsur seni bina yang menjadi kebiasaan atau mainstream la kiranya tapi disebabkan jawapan Prof pun macamtu saya rasa dah menjawab lah kedua-dua soalan tersebut tadi.**

SAI: Itu pun boleh juga kalau nak jawab nombor dua tu.

**SIK: Oh boleh jawab? Ok--.**

SAI: Ok (muka teruja).

**SIK: Kalau Prof nak jawab, saya ok je.**

SAI: Satu--.

## **SIK: Yang paling menjadi kebiasaan.**

SAI: Satu keistimewaan bagi masjid di negeri Johor, kita boleh perhatikan pada Masjid Sultan Abu Bakar yang terletak di Johor Bahru di atas bukit tu. Menara masjid itu, tidak seperti kebanyakan masjid di negeri lain iaitu berada di penjuru bangunan masjid. Kita bayangkan sebuah segi empat tepat dan dinding kiblat tu didepan sekali menghala ke arah kiblat. Jadi menara kebanyakan masjid di luar negeri Johor berada di penjuru – sama ada dua penjuru atau keempat-empat penjuru masjid tersebut. Masjid yang besar yang mungkin lebih makmur – empat menara. Tapi di negeri Johor, berpandukan kepada seni bina Masjid Sultan Abu Bakar, menaranya tidak berada di penjuru tapi berada di tengah-tengah paksi. Bayangkan mihrab itu dengan pintu masuk di dinding belakangnya, segi empat tepat itu dilukis satu garisan di tengah, satu garisan melintang, satu garisan membujur. Jadi itu menjadi paksi kepada orientasi segi empat tepat itu. Jadi menara itu berada di atas sentuhan antara paksi itu dengan dinding – kempat-empat dinding tadilah. Jadi menara dia berada di tengah, bagi setiap dinding. Empat dinding tadi, menara berada di tengah, bukan berada di penjuru. Itu satu kelainan yang sangat berlainan, itu satu unsur atau satu elemen seni bina yang paling jelas yang kita boleh perhatikan. Maknanya dari jauh bila kita nampak menara masjid, menara itu bagaikan seperti di rumah api. Kalau di laut, ketika malam gelap gelita – rumah api itu menjadi petunjuk, panduan dan pedoman untuk menentukan arah perjalanan. Ingat di lautan yang bergelora, di malam hari. Tapi di dalam sesebuah petempatan dan perbandaran, manusia juga memerlukan panduan dan petunjuk. Menara itu secara simboliknya memberi cahaya pengharapan kepada umat Islam. Jadi dia mengajak – dia menunjukkan arah menuju ke masjid. Jadi apabila sampai ke menara di Masjid Sultan Abu Bakar, dibawah menara tu ada pintu masuk ke dalam masjid. Kalau masjid yang bukan negeri Johor, di luar – dia punya menara di penjuru dan pintu masuk dia berada di tengah dinding. Setiap kebanyakan sekurang-kurangnya tiga dinding lah, kiri kanan dan belakang – ada pintu masuk. Maknanya pintu masuk dia tak duduk bersama dengan menara. Sebab menaranya duduk di penjuru. Tapi bagi Masjid Sultan Abu Bakar dan masjid-masjid yang menggunakan *typology* yang sama, pintu masuknya berada dibawah menara. Maknanya daripada jauh kita menggunakan mercu tanda menara itu sebagai panduan—bila kita sampai kita pun memasuki bawah menara itu masuk ke dalam bangunan. Macamtu.

**SIK:** Saya rasa itu unsur yang paling menarik sekalilah sebab jarang kita dengar orang kupas pasal ni – mungkin kita kena buat pembacaan lebih dalam lah kalau kita nak tau secara spesifiknya unsur-unsur yang ada di masjid kan. Ok jadi saya rasa Husna nak teruskan dengan soalan seterusnya?

**NHM:** Ok, seperti mana yang Professor cakap tadi Masjid Abu Bakar ialah masjid yang bersejarah dekat Johor. Jadi saya nak tanya, adakah masjid paling bersejarah itu ialah Masjid Abu Bakar dan bukan masjid lain? Maksudnya Masjid Abu Bakar itu memang ialah masjid yang bersejarah kat Johor ke?

**SAI:** Masjid Sultan Abu Bakar memang masjid yang bersejarah, ia dibina atau pun direkabentuk oleh salah seorang pegawai JKR pada ketika itu. JKR atau *Public Work Department* masih lagi dalam transisi kerajaan--. Pada ketika itu, pentadbiran British masih ada di Semenanjung Tanah Melayu. Jadi ada sedikit mungkin input-input --. Jadi sebab itu kalau kita lihat gaya rupa dia, gaya rupanya ada unsur-unsur kolonial tetapi ada juga unsur-unsur ke-Johor-an. Jadi, perlu diingatkan bahawa landskap dan perletakkannya di atas bukit sangat mendominasi kerana ini nak menunjukkan kedudukan strategik dan satu perlambangan kepada agama negeri. Dan Johor perlu diingat pada ketika itu adalah sebuah negeri yang mahu bergerak ke alam moden yang pesat membangun. Jadi dia perlu membina dengan kaedah – menggunakan kaedah yang lebih kekal, yang lebih kukuh. Jadi, seni bina kayu seperti mana seni bina tradisional kerana limitasi kepada teknologi perkayuan, pertukangan kayu – ia hanya boleh memuatkan kapasiti yang tertentu. Jadi bagi saiz yang sebesar Masjid Abu Bakar itu mungkin agak sukar untuk dibuat daripada kayu. Jadi tindakan menggabungkan antara pertukangan kayu dan juga teknologi binaan batu-bata telah menjadi pilihan bagi membina Masjid Sultan Abu Bakar. Bersejarah saya tak ingat tarikh tahunnya tapi antara masjid terawal di Zaman Johor Moden macamtu. Johor Moden bukan baru bermula tapi dia telah bermula lebih awal daripada itulah. Jadi, masjid-masjid lain kalau ada pun lebih awal di Johor telah musnah dan telah – tidak meninggalkan kesan. Mungkin kerana reput, atau pun telah dibuka atau telah dipindahkan hilang begitu saja. Tapi paling awal pun, rumah-rumah pun tidak sampai – tidak ada sampai 100 tahun lebih. Kalau ada pun 100 tahun, sekadar 100 tahun, 110 dan tidak ada lebih daripada itu di negeri Johor ni. Tapi kalau bangunan seperti Bukit Timbalan itu masih ada kekal, tegap dan kukuh. Masjid Sultan Abu Bakar kekal,

tegap dan kukuh sama seperti asalnya. Walaupun baru-baru ini, baru dibuatkan proses pemuliharaan – sebab bangunan ini kena sentiasa ditambah baik dan di-dipulihara bagi mengekalkan kesegaran seni binanya lalah kat situ.

**NHM: Ok, untuk soalan seterusnya – kan untuk unsur seni bina yang Professor cakap tadi, untuk dalam sesebuah masjid tu – adakah unsur seni tu betul-betul menggambarkan sejarah tempatan sesuatu tempat, sesuatu kawasan?**

SAI: Ok, dia bergantung juga kepada konteks tempatan itu dan dia menyahut sejarah konteks yang wujud di tempat itu. Di Masjid Sultan Abu Bakar itu dia berada di kawasan perbandaran Johor Bahru – Johor Bahru antara bandar yang pesat membangun pada ketika itu. Dan kalau kita bandingkan dengan bangunan-bangunan lain di kawasan perbandaran Johor Bahru masa itu, memang teknologi biasalah menggunakan batu-bata berlepa, menggunakan bumbung bergenting macamtu. Jadi maknanya dia sepadan dengan keadaan masa itu. Dan oleh kerana negeri Johor mahu pantas membangun bergerak ke hadapan, jadi apa saja teknologi terkini pada ketika itu disambut, disahut dan diaplikasikan kedalam bangunan Masjid Sultan Abu Bakar. Sebab itu bangunan Masjid Sultan Abu Bakar mengambil rupa yang sedemikian. Dan ada juga sedikit mungkin pengaruh-pengaruh daripada—downshape. Kalau ada pun sedikit pengaruh-pengaruh daripada timur tengah. Tapi, Masjid Sultan Abu Bakar adalah antara masjid yang tidak menggunakan kubah. Jadi, maknanya penggunaan bumbung perabung lima pada masjid itu juga merupakan kesinambungan daripada seni bina Melayu Tradisional dengan menggunakan bumbung bercerun. Kalau kita ingat Masjid Ubudiah contohnya atau Masjid Jamek di Kuala Lumpur, menggunakan banyak kubah. Beberapa set kubah digunakan. Jadi, kubah ini penggunaan kubah memang agak asing di Alam Melayu kerana kita beriklim tropika, hujan lebat sepanjang tahun – hujan dan panas sepanjang tahun. Jadi, bentuk kubah itu tidak sesuai dengan persekitaran yang kita ada. Jadi dalam hal ini Masjid Sultan Abu Bakar memenuhi citarasa persekitaran iklim dan cuaca tempatan. So, dengan kita mematuhi kehendak cuaca dan kehendak persekitaran, itu sendiri telah meraikan semangat tempat jiwa se-zaman pada ketika itu. Jadi—maka terjadilah apa yang terjadi. Maknanya seni bina Masjid Sultan Abu Bakar telah bersifat jujur pada konteksnya – itu yang penting, jujur kepada masa, tempat dan konteks. Dan itulah yang memberikan identiti jati diri pada masjid sesebuah negeri atau sesebuah tempat. Kalau

dia perlu menjadi pencetus, maknanya pemula kepada sesuatu identiti yang baru – maka itulah maknanya dia telah berjayaalah mencetus satu identiti hala tuju, identiti jati diri yang baru (bunyi notifikasi telefon). Dan seterusnya menjadi ikutan pada bangunan-bangunan lain, bangunan-bangunan masjid yang lain selepas itu. Dia mencipta teladan, teladan baru. Adakah saya tersasar (ketawa kecil)?

**SIK:** Tak, tak tersasar setakat ni ok (tersenyum). Jadi, kita sambung soalan seterusnya. Jadi soalan seterusnya, memandangkan tadi Prof kata tak semua tapi majoritilah masjid tu memang ada menggambarkan sejarah tempatan sesebuah kawasan tu. Tapi, mungkin masyarakat di kawasan tersebut kurang meraikan seni bina masjid tersebut ke atau pun mungkin macam tak kisah pun ke pasal pembinaan-pembinaan masjid yang ada. Jadi, apakah relevannya bagi masyarakat masa kini untuk raikan unsur seni bina yang ada pada masjid ni?

**SAI:** Ok. Pernah ada kajian dibuat tentang kecenderungan para jemaah apabila datang ke masjid kepada elemen-elemen masjid. Sebenarnya rupanya para jemaah tidak – tidak begitu sifatnya. Dia tidak cenderung kepada sesuatu elemen masjid hanya – hanya demi minat atau kesukaan mereka. Kalau katakan mereka sukakan kubah maka dia duduk bawah kubah. Bukan begitu. Bukan begitu psikologi minda mereka. Tapi dia lebih kepada praktikal macam contohnya dia memerlukan suasana yang tenang, aman, sebab dia hendak berzikir sendirian – mungkin dia pergi cari ke satu penjuru, duduk di depan datau dibelakang tiang, tempat yang agak gelap sedikit daripada tempat yang terang. Dan mungkin ada yang nak membaca, jadi dia mencari yang lebih cerah. Jadi di dalam kawasan masjid itu dia tidak konsisten pencahayaan dia, ada--. Pada satu sudut mungkin kerana berdekatan dengan tingkap jadi dia jadi lebih terang jadi macamtu. Atau pun kedudukan lampu – lampu kalimantang ke lampu masjid jadi dia duduk dibawah lampu. Jadi --. Atau pun mungkin kerana mahukan pengudaraan semula jadi yang lebih selesa – jadi duduk di luar iaitu di tepi koridor di masjid, ruang limpahan masjid. Jadi manusia itu dia akan mengambil tindakan perilaku diri dia kepada keselesaan dan aktiviti yang ingin mereka lakukan. Jadi dia akan adaptasi, suaikan diri mereka – jadi begitu. Jadi dalam konteks itu, masjid itu perlu direkabentuk dengan memberikan keanjalan ini--. Dan untuk menarik para jemaah, masjid itu sendiri mesti mesra kepada kepelbagai aktiviti yang jemaah ingin lakukan. Contohnya, pada zaman Rasulullah dan khalifah dulu – masjid itu saya

sebutkan tadi digunakan untuk pelbagai peranan dan fungsi yang banyak melibatkan pembangunan kemaslahatan ummah. Jadi, salah satu sebab kenapa masjid kurang atau merosot daya tarikannya – kerana kita telah membataskan masjid itu hanya sebagai tempat solat. Tapi kalau kita memeriahkannya, mempelbagaikannya dengan mewujudkan pelbagai peranan dan fungsi lain – peranan-peranan muamalat contohnya ada kedai memberi khidmat jahitan contohnya, pusat tuisyen contohnya dan pelbagai lagi – kedai jual buku--. Jadi bila ada fungsi-fungsi ini, dia akan mengajak juga masyarakat untuk datang ke masjid selain daripada untuk solat. Jadi, muamalat dengan--. Adalah juga ibadah. Dan saya teringat semasa selepas Rasulullah mendirikan Masjid Nabawi tu, langkah kedua yang dilakukan Rasulullah ialah mengenalpasti tapak untuk dibuat pasar atau *market* atau bazar -- maknanya bagi tujuan perniagaan. Dan kedudukan pasar itu pada ketika itu tidak jauh daripada masjid. Jadi sebenarnya perdagangan atau perniagaan itu yang kita tau Rasulullah juga terlibat dalam perniagaan semasa waktu mudanya, jadi adalah sangat penting dalam kita berurusan sesama manusia. Jadi maknanya tidak menjadi satu kesalahan untuk kita merapatkan muamalat dengan pusat ibadat ni. Malah ini memberikan kemudahan kepada para jemaah untuk beribadah – tidak perlulah mereka daripada pusat membeli-belah dan perlu berkereta pergi ke pusat ibadah yang menyukarkan merekalah *basically*. Jadi kalau saya suka contoh—seperti Masjid An-Nur di Galleria di Johor Bahru – iaitu masjid itu dibina bersekali dengan pusat beli belah. Jadi, umat Islam rasa selesa untuk menjalankan aktiviti di pusat perniagaan itu sama ada dia peniaga atau sama ada dia pembeli. Bila diseru solat di pada waktunya, jadi akses – dia tak perlu keluarkan kereta daripada *parking basement* untuk pergi ke tempat solat. Dia hanya perlu berjalan kaki, so kita jimat tenaga, kita elak traffic jam, kita permudahkan *accessibility*. Jadi bila ini telah semua dipermudahkan diperingangkan, jadi daya tarikan itu menjadi mudah dan menarik. Kadang-kadang daya tarikan tu bagus tapi *accessibility* – kebolehcapaian tu menjadi masalah. Jadi apabila kita merekabentuk dan merancang pembangunan masjid, kita kena ambil kira aspek-aspek itu. Sebab itu masjid tidak boleh jauh daripada petempatan, dia mesti berdekatan supaya dia boleh dicapai – kebolehcapaian, *accessibility* kan. Jadi, itu faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam perancangan dan reka bentuk masjid.

**SIK:** Ok, saya suka jawapan tadi tu agak panjang dan siap ada contoh lagi Masjid An-Nur tu--. Ok, jadi kita bergerak kepada soalan seterusnya, jadi sekarang kita nak masuk ke seksyen soalan latar belakang seni bina masjid Johor. Tadi kita dah bincangkan unsur yang menjadi sebuah kebiasaanlah untuk masjid-masjid, bangunan masjid. Pada pendapat Prof, adakah masjid-masjid di Johor dibina atas sebuah konsep yang sama atau pun yang lebih kurang?

SAI: Bercakap pasal masjid, pertama sekali ada elemen yang mendasar. Yang mesti dipatuhi oleh semua masjid tak kira dimana saja. Dia mrentasi sempadan kewilayah, merentasi sempadan negara, melangkaui sempadan budaya. Ini adalah nilai dan prinsip Islam itu sendiri. Masjid tidak boleh dibina atas dasar untuk membazir, untuk tujuan menunjuk-nunjuk. Dia mesti didirikan atas tujuan iman, jadi macamtu. Maknanya, para jemaah para kariah bersama-sama mahu—menzahirkan ketaqwa-ketaqwaan mereka kepada Allah SWT. Itu satu benda yang penting. Lepastu apabila mahu didirikan masjid, arah kiblat itu mesti ditentukan dengan tepat. Masjid yang tidak menghala ke kiblat itu dah tau memang salah. Dan ada bentuk-bentuk yang—paling sesuai—dan akan menjadi satu masalah kalau bentuk ini tidak dipatuhi. Maksudnya adalah, selepas menghalakan kepada kiblat, susunan para jemaah itu mestilah tidak—memanjang tapi lebih kepada melebar. Maknanya kalau kita buat masjid itu berbentuk tiga segi—katakan dan bucu tiga segi itu menghala ke kiblat, itu satu bentuk yang salah. Satu bentuk yang salah. Maknanya saf yang depan akan jadi kecil, saf dibelakang jadi besar. Jadi, kalau melihat pada contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah pa-pada masjid yang pertama – Masjid Nabawi dibuat hampir segi empat sama, lebih kurang ukurannya. Maknanya saf di depan atau di belakang akan berada pada kepanjangan yang sama, kelebaran yang sama. Jadi macamtu – itu asas --. Lepas itu, ada—petunjuk dinding mana satu yang menghadap ke kiblat dan petunjuk itu kebanyakannya di negara Islam menggunakan satu lekukan, atau apa jualah tanda di dinding kiblat itu untuk menunjuk kepada jemaah itulah hala kepada kiblat. Selepas itu ditambah lagi beberapa fungsi asas, contohnya – ketika Bilal bin Rabah dilantik sebagai muazzin pertama untuk melaungkan azan, beliau telah naik ke atas bumbung untuk melaungkan azan. Jadi maknanya kita perlukan tempat tinggi untuk melaungkan azan bagi memboleh azan ini kedengaran ke pelusuk petempatan itu. Dan ini sangat penting, jadi ini menyebabkan dibangunkan didirikan menara. So, saya dah sebut beberapa perkara macam menara, mihrab, hala ke kiblat, bentuk, dan ada

banyak lagi mungkin tidak sesuai atau pun terlalu teknikal untuk dibincangkan di sini. Jadi, unsur-unsur atau elemen-elemen asas perlu dipatuhi tak kira dimana saja masjid itu berada. Kemudian datang pula satu lapisan elemen yang lain pula iaitu yang sangat tertakluk kepada faktor setempat. Faktor budaya setempat, faktor iklim setempat. Kalau di negara Timur Tengah, mereka tidak perlu kepada bumbung curam. Mereka hanya perlu kepada bumbung rata sahaja atau pun flat roof – kerana tidak ada hujan yang turun atau hujan kalau turun pun sangat sedikit dalam satu tahun. Tidak perlulah dinding bercerun untuk mengalirkan air dari atas. Tapi kalau di negara tropika bumbungnya mestilah cerun kerana hujan mesti dialirkan dengan segera, melepas bangunan tersebut. Jadi kita perlu pada bumbung. Jadi itu telah membezakan masjid di Timur Tengah dan masjid di sebelah sini, di negara beriklim tropika. Itu faktor alam persekitaran. Faktor alam sekitar ini boleh berubah, tidak sama antara satu wilayah dengan satu wilayah yang lain. Dan juga ada faktor *material* atau bahan binaan yang sesuai contohnya kalau kita nak buat masjid di kawasan kejiranan tapi kita import marmar daripada Itali, jadi itu dah macam tidak sesualih kita – walau banyak duit sekali pun. Kita tak perlu berbuat begitu lah *basically*. Kecuali kita ada sebab-sebab yang sangat-sangat memerlukanlah. Itu boleh dibincangkan di tempat lain yang itu. Tetapi, kalau ikutkan konsep kelestarian, kita sepatutnya menggunakan bahan binaan yang berasal daripada kawasan itu. Paling-paling jauh pun mungkin 50KM-100KM radius daripada kawasan itu. Ini boleh mengurangkan kos transport pengangkutan – kos pengangkutan. Ini juga boleh mengelakkan kita merentas wilayah. Nanti, seni bina Timur Tengah berada di sini, seni bina kita berada di Timur Tengah – dia jadi kacau-bilau. Bayangkanlah, orang Melayu tidak lagi berpakaian baju Melayu, dia berpakaian ala-. Kalau ambik orang Rusia, lepastu orang Rusia pula berpakaian Melayu. Jadi dia jadi berkecamuk, sedangkan manusia itu dah dijadikan mengikut—puak-puak berdasarkan kepada petempatan dan wilayah dimana mereka duduk. Bukan mereka sengaja cipta-ciptakan begitu tapi itu adalah lumrah fitrah kejadian mereka. Itu menjadikan dunia ini lebih menarik kerana manusia walaupun sama sifat biologikalnya tapi ada pelbagai ragam dan rencam – contohnya bahasa saja ada beratus bahasa ada beribu loghat, dialek padahal datangnya dari mulut yang sama, lidah yang sama. Bukan ada satu kelainan – tapi bagaimana kemampuan lidah dan mulut boleh mencipta pelbagai bahasa sampai beratus-ratus daripada manusia yang sama kejadiannya. Jadi, masjid perlu *diversify* – maknanya dia perlu merencam dan jujur kepada kawasan tempat di mana masjid itu berdiri. Jadi ada dua elemen yang

penting tadi, satu elemen yang kekal dan konsisten yang menjadikan masjid itu masjid – yang mesti dipatuhi. Dan satu lagi aspek yang boleh berubah bergantung kepada tempat itu – boleh berubah.

**SIK:** Ok, baik Prof. Jadi kita, seterusnya kita nak tau pulak perkaitan seni bina masjid tersebut dengan komuniti setempat sebab komuniti tu lah yang akan – komuniti tersebut lah yang akan menggunakan sesebuah masjid yang ada dekat situ, dia berkait rapat lah kan. Jadi, bagaimanakah seni bina sebuah masjid itu dia dipengaruhi oleh komuniti tersebut?

**SAI:** Ok, bagi contoh katakan komuniti disitu--. Kita perlu ingat bahawa masjid bukan saja--. Walaupun kita sedar pengguna masjid itu adalah umat Islam. Tapi kita perlu lihat juga Islam itu bukan hanya untuk orang Islam. Islam itu sejagat dan dia merangkumi ke-sekali-an alam. Jadi oleh kerana itu, masjid itu mesti memperluaskan fungsinya untuk *outreach*, untuk menghubung – mencapai juga orang-orang bukan Islam. Adalah menjadi sesuatu yang agak mengecewakan apabila masjid itu tidak menyapa kaum-kaum yang lain yang juga ada dalam kejiranannya yang sama. Macam contohnya bila hari raya, masjid membuat rumah terbuka, masjid terbuka – bukankah lebih elok turut mengundang mereka datang untuk berhari raya di masjid? Dan ini akan dapat memberi mereka peluang mendekati masjid dan melihat apa yang berada dalam masjid. Dan ini boleh--. Sudah tentunya memberi imej positif dan memberi kefahaman yang lebih baik orang bukan Islam kepada Islam. Dan selama ini mungkin mereka telah diberikan momokan yang salah, yang negatif tentang Islam. Jadi ini peranan proaktif yang boleh dimainkan boleh masjid. Kalau itulah pemikiran dan kefahaman para ahli karian dan para jemaah di situ – setelah menginsafi dan memahami kerencaman kemajmukan masyarakat di situ – maka perancangan dan reka bentuk masjid itu perlu mengambil kira aspek-aspek ini. Sudah tentu apabila orang-orang bukan Islam turut datang ke masjid, kita kena ambil kira sensitiviti, pengasingan, ada pihak yang hendak bersolat, berzikir – jadi di ruang solat utama itu, kita hindarkan daripada dicampuri dengan aktiviti-aktiviti yang lain yang bukan ibadah formal. Jadi cara masjid itu direka bentuk sendiri telah menyediakan satu pengasingan yang tersendiri. Maknanya kita tak buatlah jamuan hari raya campur gaul itu di kawasan yang lebih sensitif, kawasan-kawasan formal. Sebab itu masjid itu perlu direka bentuk sedemikian. Tapi kalau tidak ada kawasan lapang, tidak ada

halaman depan, halaman tepi tidak ada hanya masa datang-datang je terus dalam masjid ruang solat utama – jadi reka bentuk yang seperti itu tidak memasukkan faktor yang saya sebutkan tadi. Jadi (bunyi notifikasi telefon) dia sudah tidak bersedia untuk melakukan aktiviti seperti itu. Kalau --. Ada juga masjid dan masjid itu kena perlu jujur kepada karakter, identiti kelompok masyarakat yang mendukung kejiranannya itu. Contohnya, tak silapnya di Perak – Masjid Cina, kan?

**NHM: (tersenyum dan menganggukkan kepala)**

SAI: Masjid kaum – untuk kaum-kaum Cina sebab dia bagi memenuhi kelompok masyarakat yang majoritinya cina di situ. Jadi seperti juga seni bina yang lain apatah lagi seni bina masjid, dia mesti jujur kepada kelompok masyarakat yang mendukung fungsi bangunan tersebut. Jadi bila masjid di Negara China sudah tentu mempunyai karakter ke-Cina-an. Jadi jangan pulak kita rasa pelik melihat masjid yang – dek kerana kita terbiasa dengan masjid yang berupa tau mempunyai identiti ke-Melayu-an, jadi kita mula rasa tidak selesa dengan masjid yang berupa ke-Cina-an. Dalam Islam, elemen fizikal hanya menjadi ada manfaat dan keberkatannya bergantung kepada cara manusia itu menggunakanannya. Seperti juga pisau, walaupun tajam, boleh mendatangkan bahaya boleh melakukan perbuatan keji – membunuh orang--. Tapi pada masa yang sama, pisau yang sama itu juga boleh melakukan kebaikan, masak lauk banyak-banyak, hidangkan kenduri kepada orang. Itu mendatangkan kebaikan. Jadi batu-bata, genting bumbung apa semua itu, dia hanya menyerah diri kepada manusia secara mana manusia hendak melakukannya. Jadi kalau dilakukan yang terbaik untuk fungsi yang terbaik inshaAllah ada keberkatan disitu, dan ada banyak kebaikan dan manfaat untuk masyarakat. Jadi kalau diteliti betul-betul apa yang banyaknya saya sebutkan daripada awal tadi, bukan saya cuba mengelak daripada membicarakan tentang seni bina secara fizikal, tetapi aspek fizikal itu akan--menjadi *secondary*. Kerana bangunan masjid itu intipati dia sangat penting, pengisian dia sangat penting. Kalau itu tidak di--. Dan dia bukan urusan jawatankuasa masjid. Dia juga urusan para arkitek, juga urusan para engineer apabila mereka ditugaskan untuk membina dan mereka bentuk masjid. Jadi, para arkitek sendiri perlu faham tentang fungsi dan peranan masjid secara tepat sebelum mereka diberikan tugas untuk mereka bentuk masjid. Dan perlu juga diingat satu lagi perkara masjid juga adalah instrumen dakwah – dia mengobarkan syiar Islam itu sendiri. Jadi kalau saya bagi contoh.

Macam contohnya ada satu kisah umat Islam di Oxford, mahu membina satu sebuah masjid. Lalu si arkitek membina – mencadangkan satu reka bentuk masjid di Oxford dengan mengambil kira gaya rupa seni bina Timur Tengah. Jadi, penduduk di Oxford yang bukan Islam, membantah seni bina masjid yang seperti itu. Kerana dikata tidak sesuai dengan—karakter pembangunan Oxford, tidak sesuai. Dan saya setuju dengan pendapat mereka, memanglah tidak sesuai yang di Timur Tengah dibawak ke Oxford. Kenapa tidak mereka bentuk sebuah masjid yang merangkumkan semangat tempatan, environment yang saya sebutkan tadi, cuaca yang saya sebutkan tadi supaya dia mesra dengan environment dimana masjid itu diletakkan. Jadi, kita bukan cakap pasal meng-Arab-kan masjid, kita cakap meng-Islam-kan masjid. Soalan payah-payah ni (tersengih).

**NHM: Ok, untuk soalan yang seterusnya. Macam yang Prof cakap tadi, seni bina sebuah masjid yang dipengaruhi oleh sebuah komuniti, saya nak tanyalah. Boleh tak kalau Professor bagi satu masjid yang seni bina dia adalah sangat unik dekat Johor? Yang ada seni bina dia yang sangat unik dan berkait rapat dengan komuniti yang macam --.**

SAI: Ok, kalau masjid yang tradisional, masjid-masjid silam – pada ketika itu para arkitek lebih kepada mematuhi, memenuhi citarasa para penaung atau pun kerajaan. Maknanya tidak --. Ruang perdebatan itu tidak—terbuka. Jadi lakukanlah apa yang terbaik pada ketika itu, setakat itu. Tetapi, pada zaman moden, pada zaman kontemporari sekarang ini, ada pemikiran-pemikiran baru. Pemikiran-pemikiran yang sentiasa mencari secara kreatif dan inovatif penyelesaian yang lebih daripada apa yang kita pernah ada. Macam contohnya, boleh tak kita bina masjid yang tidak perlu menggunakan cahaya artificial – menggunakan tenaga elektrik. Kita--sebuah negara tropika, cahaya siang sangat banyak. Sekarang ni kalau kita lihat, dalam rumah, hari siang pun kita bukak lampu kan? Sebab bangunan direkabentuk tidak mengajak cahaya siang tu masuk ke dalam bangunan. Jadi masjid pun kerap kali direkabentuk sebegitu. Jadi, kita perlukan – kita kena bukak lampu walaupun cahaya siang banyak. Jadi, reka bentuk yang tidak perlu *on* lampu sepanjang siang. Dan satu lagi, tidak perlu *on air condition*, tidak perlu buka kipas. Semuanya pengudaraan semula jadi. Apa bagusnya? Basgusnya adalah – masjid itu tidak menggunakan tenaga. Maknanya masjid itu masjid jimat tenaga. Bukankah menjimat tenaga itu perbuatan yang baik?

Lepas itu penjanaan elektrik. Jawatankuasa masjid yang paling--. Antara benda yang mereka tak suka, nak kena bayar bil. Bayar bil bagi bangunan awam seperti masjid, besar bilnya. Jadi, kita gunakan solar panel untuk menjana electricity. Jadi tak payahlah kita guna TNB -- tenaga daripada TNB. Kita guna solar. Maknanya kita memanfaatkan sumber alam sedia ada. Air hujan yang turut yang lebat sepanjang tahun itu, kita kumpul dan kita wujudkan sistem penapisan dan ia bersih lagi suci, boleh ambik wuduk, boleh minum. Dan itu juga, maknanya SAJ tak dapat duit kitalah, kita dah kumpul air hujan. Jadi bayangkan masjid itu, menggunakan air sumber sendiri dari langit, menggunakan elektrik tenaga elektrik daripada cahaya matahari. Siang tidak perlu *on* lampu pasal cahaya siang sudah cukup menerangi masjid, pengudarannya cantik sejuk semula jadi tidak perlu bayar. Bukankah itu sebenarnya me--. Kita menerima manfaat yang Tuhan bagi secara percuma itu – dan kita tidak bersifat angkuh dan mengenepikan anugerah yang secara semula jadi telah diberikan oleh pencipta. Jadi apabila arkitek memikirkan secara begitu, maka datanglah masjid bentuk baru, gaya rupa baru. Kalau di--. Tapi, untuk menghasilkan gaya rupa yang sebegini, dia perlu mungkin memecah tradisi. Masjid itu mungkin sangat berlainan dengan masjid-masjid yang saya sebutkan tadi. Masjid-masjid yang terdahulu. Salah satu masjid yang mungkin saya—boleh sebut disini. Saya tak pasti *exactly* lokasi dia, tapi di Johor Bahru – di daerah Johor Bahru. Saya ingat masjid tu nama ada nama Daing. Dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Majlis perasmian dibuat dan Tuanku datang untuk merasmikannya. Didanai oleh seorang hartawan keturunan Daing, dan masjid ini menggunakan nama—beliau. Direka bentuk oleh seorang arkitek, Ar. Razin. Mungkin boleh *Google* sekarang, boleh nampaklah. Itu satu, sebuah masjid yang lain dan dia sangat moden, dia boleh dikatakan memecah tradisi. Memang uniklah. Tadi tanya masjid unik kan (ketawa santai)?

**NHM: Ok, tak silap nama masjid tu Masjid Daing Abdul Rahman?**

SAI: Betullah, dimana? Nusajaya? Selesa Jaya?

**SIK: Dekat Nusa Idaman.**

SAI: Ah Nusa Idaman.

**SIK: Dekat Iskandar Puteri.**

SAI: Ok (tersenyum). Itulah yang dapat saya bagikan masjid yang unik. Itu dapat anugerah masjid tu, sebagai masjid kontemporari. Arkiteknya bereksperimentasi dengan reka bentuk tu. Kita boleh lanjutkan pemerhatian kita ke atas masjid-masjid itu sebab seni bina ni bangunan ni, nak tau sebenarnya prestasinya kita kena lihat bertahun-tahun yang mendatang – bagaimana masjid itu mengharungi cabaran yang seterusnya, dipukul ribut ditimpa hujan lebat. Jadi kita tengok--. Lepastu kita tengok bukti-bukti daripada bil, kegunaan elektrik, bil air. Tapi saya tak pastilah masjid itu menggunakan semua bentuk penjimatan tenaga, tuaian air hujan yang saya sebutkan tadi. Mungkin ada sebahagian, mungkin tidak kesemuanya.

**SIK: Ok, ok Prof. Jadi, sepertinya kita dah sampai ke minit-minit terakhir, perbincangan kita, temubual kita tentang seni bina masjid Johor ni. Jadi, untuk mengakhiri temubual kita pada malam ini, Prof ada kata-kata akhir ke tentang kita punya temubual malam ni?**

SAI: Pertamanya saya ingin ucapkan terima kasih kerana sudi menembual saya, semoga apa yang telah saya sampaikan dalam dua sesi temuduga memberi manfaat kepada kedua-dua penemuduga, khususnya dalam ilmu seni bina tentang masjid. Mungkin saya tidak menjawab secara terus apa yang dipersoalkan kerana mungkin ada jawapan yang lebih sesuai untuk diberikan. Islam tidak mendatangkan satu paparan preskriptif sama ada dalam Al-Quran atau Hadis tentang bagaimana masjid patut jadi – bagaimana masjid perlu mempunyai rupa, tidak ada. Islam menyerahkan kepada kebijaksaan manusia itu dalam menentukan apa yang terbaik, apakah masjid yang terbaik buat mereka. Tapi ada garis panduan-garis panduan, contohnya tidak membazir. Tidak membazir tidak semestinya benda yang kita ada, dia boleh macam-macam bentuk. Benda yang kita ada tapi kita tidak menggunakan sepenuhnya itu boleh dikatakan juga, membazir. Seperti tadi, hujan turun banyak – tapi kita tidak mempedulikan pun air percuma yang diberikan. Itu boleh dikatakan membazir. Jadi semua sifat-sifat murni, sifat-sifat baik, akhlak-akhlak mulia tu mesti diterapkan dalam reka bentuk. Walaupun dia sifat-sifat itu kepada manusia, tapi kita kena terjemahkan kepada tindakan kita dalam mereka bentuk masjid. Jadi, banyak yang saya kongsikan tadi melangkaui seni bina itu seni bina itu sendiri dan merangkumi

perlakuan tingkah laku manusia juga. Saya harap bermanfaat.

**NHM: Jadi berakhirlah sesi temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai bidang seni bina dan arkitek bersama Professor Dr. Syed Ahmad Iskandar bin Syed Ariffin. Kami mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian dan kerjasama Professor untuk ditemubual. Sekian, terima kasih.**

SAI: Sama. Selamat maju jaya.

- TAMAT TEMUBUAL -



# **LOG TEMUBUAL**



## 6.0. LOG TEMUBUAL

### 6.1. Temubual sesi pertama (29 May 2021)

MASA	TOPIK	HURAIAN
02:19 - 03:20	Latar Belakang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama tokoh Syed Ahmad Iskandar bin Syed Ariffin</li> <li>• Umur: 59 tahun</li> <li>• Berasal dari Daerah Pengerang, Johor</li> </ul>
03:20 - 03:31	Tempat Tinggal	Menetap di Johor Bahru
03:31 - 06:00	Sejarah Pendidikan	<p>Mula menemui bakat di sekolah rendah Aktif berpidato dan pengucapan awam, sukan di sekolah menengah</p> <p>Meneruskan pengajian Sijil Seni Bina di POLISAS</p> <p>Menyambung Diploma Seni Bina di UTM</p> <p>Menyambung pengajian ke United Kingdom bagi Ijazah Sarjana Muda</p>
06:00 - 15:12	Keluarga Tokoh	<p>Mempunyai 8 orang adik beradik</p> <p>Anak bongsu lelaki</p> <p>Mendapat bakat, kehalusan tangan dari ibu</p>
15:12 - 22:18	Perkahwinan	<p>Nama isteri: Jamaliah binti Mohamed Yusop</p> <p>Berkahwin sebelum berangkat ke United Kingdom</p>
22:18 - 57:50	Bidang Seni Bina	<p>Menceburi bidang seni bina atas minat dan bakat</p> <p>Mempunyai bakat sejak sekolah menengah lagi</p> <p>Melalui ranjau perjalanan Pendidikan sedikit lambat kerana keputusan SPM yang tidak cemerlang</p> <p>Memilih bidang seni bina dalam</p>

		<p>akademik berbanding professional</p> <p>Arkitek professional mengalami cabaran yang lebih sukar</p> <p>Seni bina dalam bidang akademik memberikan ruang dan peluang untuk melakukan aktiviti penyelidikan dan penulisan</p> <p>Seni bina dalam bidang akademik lebih memberi kepuasan kepada tokoh</p> <p>Tiga figura paling berpengaruh dalam hidup: Professor Paul Oliver, Ar. Hajeedar dan Professor Parid Wardhi bin Sudin.</p> <p>Seni bina dikatakan sebuah manifestasi budaya dan kehidupan</p>
57:50 - 01:06:35	Asal Usul Seni Bina	<p>Pengajian seni bina tidak bermula dari budaya timur</p> <p>Budaya Melayu ada tukang rumah</p> <p>Di Barat, seni bina menjadi satu pengajian formal</p> <p>Asal dari Zaman Yunani dan Rom sudah wujudnya arkitek</p> <p>Perkataan arkitek diambil dari istilah Greek – <i>architechton</i></p> <p>Seni bina dalam perspektif Islam adalah bagi kemakmuran alam, kesejahteraan manusia.</p>
01:06:35 - 01:16:51	Seni Bina Masjid	<p>Tokoh pakar dalam bidang seni bina masjid</p> <p>Sedang menyediakan modul untuk kursus masjid</p> <p>Memahami takrifan masjid dari perkataan Arab – sajadah.</p> <p>Kewujudan surau dan musollah</p> <p>Masjid terpenting dalam dunia Islam:</p>

		<p>Masjidil Haram, Masjid Nabawi dan Masjid Aqsa</p> <p>Tokoh berpendapat masjid harus dijadikan pusat masyarakat</p> <p>Seni bina berjalin-gabung dengan rapat dengan aktiviti dan fungsi masjid</p>
01:16:51 - 01:18:05	Ucapan Penutup	Menutup sesi satu temubual

## 6.2. Temubual sesi kedua (18 Jun 2021)

MASA	TOPIK	HURAIAN
00:00 - 03:06	Ucapan Pembuka	Skrip pembuka sesi kedua dibaca
03:06 - 10:53	Latar belakang masjid	<p>Seni bina masjid seharusnya bergerak seiring dengan fungsi masjid.</p> <p>Kini fungsi masjid hanya untuk menunaikan solat fardhu</p> <p>Islam tidak membataskan seni bina sesebuah masjid</p> <p>Seni bina masjid bergantung kepada budaya dan bangsa itu</p>
10:53 - 15:41	Unsur dalam seni bina masjid	<p>Tiada unsur spesifik yang boleh dikatakan sukar</p> <p>Masjid yang tersergam indah tapi tidak berfungsi akan jadi menghampaskan</p>
15:41 - 20:22	Unsur seni bina yang menjadi kebiasaan di Johor	<p>Keistimewaan bagi masjid di Johor boleh dilihat pada Masjid Sultan Abu Bakar</p> <p>Menara masjid tidak seperti masjid di negeri lain</p> <p>Masjid lain di luar Johor mempunyai Menara di kedua atau keempat penjuru masjid tersebut.</p> <p>Jika ni negeri Johor, Menara berada ditengah-tengah paksi masjid</p> <p>Dari jauh boleh lihat masjid tersebut</p> <p>Pintu masuknya berada dibawah menara</p> <p>Menara menjadi panduan</p>
20:22 - 25:07	Masjid bersejarah di Johor	<p>Masjid Sultan Abu Bakar masjid paling bersejarah di Johor</p> <p>Ada unsur-unsur kolonial tapi juga unsur-unsur ke-Johor-an</p> <p>Masjid terawal di Zaman Johor Modern</p> <p>Sentiasa dalam proses pemeliharaan dan pemuliharaan</p>
25:07 - 29:24	Unsur seni bina masjid	Penggunaan bumbung perabung lima di

	menggambarkan sejarah sesuatu kawasan	seni bina masjid Melayu Tradisional Alam Melayu sejak dulu beriklim tropika Bentuk kubah kurang sesuai dengan iklim tropika Masjid Sultan Abu Bakar jujur pada konteks masa, tempat dan keadaan
29:24 - 37:24	Relevannya masyarakat untuk meraikan seni bina masjid	Para jemaah tidak cenderung kepada sesuatu elemen masjid Para jemaah lebih mementingkan unsur praktikal masjid seperti suasana, pengudaraan dan pencahayaan Peranan masjid lebih penting untuk menjadi relevan berbanding seni binanya Masjid An-Nur di Galeria Johor Bahru adalah contoh yang tepat
37:24 - 47:18	Konsep seni bina masjid Johor	Masjid mesti ada elemen yang mendasar dan harus dipatuhi oleh semua masjid Elemen mendasar itu: Menara tinggi untuk melaungkan azan, arah kiblat yang tepat. Elemen lain: Menara, mihrab, hala kiblat dan bentuk.
47:18 - 56:23	Seni bina masjid mempengaruhi sesebuah komuniti	Pemikiran dan kefahaman para ahli karian dan jemaah komuniti Ambil kira sensitiviti umat Islam tetapi masih meraikan orang bukan Islam Masjid salah satu instrument dakwah
56:23 - 01:03:18	Masjid Johor yang mempunyai seni bina yang unik	Masjid unik di Johor: Masjid Daing Abdul Rahman di Nusa Idaman Hartawan berketurunan Daing menyumbangkan dana besar Hasil kerja Ar. Razin
01:03:18 - 01:04:46	Ucapan penutup	Menamatkan temubual dengan kata-kata terakhir dari tokoh dan temubual tamat.



# **GLOSARI**



## 7.0. GLOSARI

Antropologi	pengajian saintifik tentang asal usul manusia (perkembangan fizikal dan budayanya, ciri-ciri rasnya dan adat resam, serta kepercayaannya), kaji manusia.
Kiblat	Kiblat menurut bahasa adalah arah hadap dan kiblat yang dimaksudkan adalah Kaabah. Manakala menurut ilmu falak kiblat merujuk kepada arah menghadap ke Kaabah di atas glob bulatan bumi mengikut jarak yang terdekat. Para ulamak sepakat menyatakan bahawa menghadap ke kiblat merupakan salah satu daripada syarat sah solat melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu yang dibenarkan seperti solat ketika dalam perperangan dan solat sunah dalam keadaan bermusafir.
Mihrab	Mihrab bermaksud ceruk dinding sebuah masjid yang menunjukkan kiblat iaitu arah Kaabah yang umat Islam perlu menghadapnya sewaktu bersolat.  Pada asalnya, perkataan mihrab daripada perkataan bukan berunsur keagamaan dan hanya dilambangkan sebagai bilik khas di sebuah rumah dan ruang takhta di dalam istana suatu ketika dahulu.
Menara	sebuah monumen bersejarah yang terdiri daripada bangunan terbuka separa bulat, berpentas, mempunyai tempat duduk yang digunakan sebagai tempat pertunjukan pada zaman Rom Kuno. Koloseum merupakan struktur terbesar yang pernah dibina pada Empayar Rom
Muazzin	Sebuah gelaran yang diberikan kepada orang yang melaungkan azan (seruan untuk menandakan masuknya waktu solat). Dalam sejarah Islam laungan pertama Azan dilaungkan ketika pembukaan kembali kota suci Makkah al-Mukarramah, di mana ketika itu laungan azan dilaungkan oleh seorang pemuda yang bernama Bilal bin Rabah.

Musollah	Sama seperti maksud surau.
Surau	tempat beribadat (sembahyang, belajar agama, dan lain-lain).
Pantheon	Sebuah bangunan kuil berbentuk bulat yang dibina dari tahun 27 SM sehingga ia diselesaikan pada zaman pemerintahan Maharaja Hadrian (118 SM-28 M) pada tahun 126 M di pusat kota Rom. Hadrian membangun kuil ini untuk penyembahan terhadap dewa-dewa Romawi.
Parthenon	Merupakan kuil terletak di dataran Akropolis Athenai, Yunani dibina khas untuk dewi yang memberi nama kepada kota tersebut, Athena. Pembinaannya bermula pada 447 SM apabila Empayar Athen berada pada kekuasaan tertingginya. Ia disiapkan pada 438 SM, walaupun hiasan Parthenon berterusan sehingga 432 SM. Parthenon dianggap sebagai simbol demokrasi Yunani Kuno dan Athen, dan merupakan salah satu monumen budaya terhebat di dunia.

# **INDEKS**



## 8.0. INDEKS

	<b>N</b>
	<p>Negara 10, 11, 18, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 52, 53, 55, 56      Negeri 6, 10, 11, 14, 19, 25, 40, 44, 45, 46, 48, 49, 64</p>
	<b>P</b>
	<p>Pelan 33      Pengalaman 8, 13, 23, 24, 27, 31, 34, 35, 36, 37, 43, 79  <u>Pensil</u> 35      Pengajian 38, 61, 62, 67  <u>Petempatan</u> 47, 51, 52, 53</p>
	<b>Q</b>
	<p>Quran 21, 44, 58</p>
	<b>R</b>
	<p>Ruang 10, 11, 30, 34, 50, 54, 55, 56, 62, 67</p>
	<b>S</b>
	<p>Seni Bina 5, 6, 10, 12, 14, 16, 17, 18, 19, 20, 23, 28, 29, 30, 31, 32, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 52, 53, 54, 55, 56, 58, 59      Sejarah 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 17, 23, 38, 41, 43, 44, 48, 49, 50, 59</p>
	<b>U</b>
	<p>Unsur 11, 12, 14, 16, 30, 43, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 52, 53</p>
	<b>W</b>
	<p>Warisan 6, 17, 30, 75</p>
	<b>A</b>
Agama	10, 14, 40, 41, 44, 45, 48, 67, 68
Alam Melayu	6, 44, 49, 65
Arkitek	26, 27, 28, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 38, 45, 46, 56, 57, 59, 62, 80
	<b>F</b>
Falsafah	
	12, 30, 35
	<b>H</b>
Hierarki	
	41
	<b>I</b>
Islam	10, 11, 12, 14, 19, 30, 39, 40, 41, 43, 44, 45, 47, 51, 52, 54, 55, 56, 58, 62, 64, 65, 67, 76
	<b>J</b>
Jemaah	
	14, 20, 43, 44, 45, 50, 51, 52, 54, 65
	<b>K</b>
Kariah	
	43, 45, 52
Kifayah	
	45
Kontemporari	
	46, 56, 58
	<b>L</b>
Landskap	
	48
Lisan	
	6, 7, 8, 9, 10, 12, 13, 14, 21, 23, 43, 59
	<b>M</b>
Masjid	1, 11, 12, 14, 17, 19, 20, 23, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 72, 79, 83
Melayu	6, 10, 17, 38, 40, 44, 45, 48, 49, 53, 55, 62, 65, 72
Menara	19, 20, 21, 46, 47, 52, 64, 65, 67
Mihrab	20, 47, 52, 65, 68
Mimbar	20
Muazzin	52, 67



## **BIBLIOGRAFI**



## **9.0. BIBLIOGRAFI**

- Carian Umum.* (2017). DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA.  
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=antropologi>
- Carian Umum.* (2017b). DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA.  
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=surau>
- Ghani, W. L. A. (2020, January 20). *Kiblat*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.  
<https://www.muftiwp.gov.my/unit-falak2/149-soalan-soalan-lazim-falak/4023-kiblat>
- Hayin, N. ‘. M. (2017, June 30). *Seni mihrab*. Harian Metro.  
<https://www.hmetro.com.my/nuansa/2017/06/241235/seni-mihrab>
- Saad, S. R. M., Mohamad, R. B. J., dan Noor, C. R. C. J., & Jan, A. W. (2012). Penukilan ilmu baharu melalui sejarah lisan. *Jurnal PPM*, 6(1), 63-76.  
[http://eprints.usm.my/34074/1/10\\_Radia\\_12.pdf](http://eprints.usm.my/34074/1/10_Radia_12.pdf)
- U. (2013, November 2). *SJH 3104 Sejarah Lisan: Kepentingan Sumber Lisan*. Kongsi Minda.  
<http://tuhaulomiding.blogspot.com/2013/11/sjh-3104-sejarah-lisan-kepentingan.html>
- Wikipedia contributors. (2020, October 23). *Koloseum*. Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Koloseum>
- Wikipedia contributors. (2020b, December 6). *Bilal*. Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Bilal>
- Wikipedia contributors. (2020a, June 29). *Parthenon*. Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Parthenon>
- Wikipedia contributors. (2020b, July 1). *Pantheon, Rom*. Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Pantheon,\\_Rom](https://ms.wikipedia.org/wiki/Pantheon,_Rom)



## **LAMPIRAN**



## **10.0. LAMPIRAN**

### **10.1. Biografi tokoh**



#### **Personal Data:**

Name : **SYED AHMAD ISKANDAR BIN SYED ARIFFIN**

Date of Birth : 10th January 1962

Place of Birth : Johor, Malaysia

National Identity Reg. No. : 620110-01-5973

Marital Status : Married with 6 children

Language proficiency : English and Malay (spoken and written)

Tel Office/ H. Phone : 07-5530154/ 012-7202661

Email : [b-sahmad@utm.my](mailto:b-sahmad@utm.my)

**Qualifications:**

- D. Vernacular Architecture (Oxford, UK) Dec 2002
- Sc. Architectural Conservation (Edinburgh, UK) Jan 1998
- Postgraduate Dip. Architecture (Prized) (Humberside, UK) May 1991
- Sc. Hons. (1st Class) Architecture (Humberside, UK) July 1988
- Diploma Architecture (Universiti Teknologi Malaysia) May 1982
- Arch. Tech., (Kuantan Polytechnic) Dec 1981

**Affiliations to Professional Bodies and Agencies related to Area of Interest:**

- Graduate Architect Member (AG/S 247) of Board of Architects Malaysia
- Member of Council of Accreditation and Architectural Education Malaysia
- First Chairman of Council of Heads of Architecture Schools
- Ordinary Member (0815) of Malaysia Heritage Trust (Badan Warisan Malaysia)
- Malaysian Branch of Royal Asiatic Society: Ordinary Member
- Member of Koperasi UTM
- Member of Oxford Brookes University Alumni Malaysia
- Member of SDARA Alumni (old boys association)
- Secretary of UTM Architecture Alumni
- Member of Badan Kebajikan Staf Fakulti Alam Bina

**Awards:**

- International Joint-Conference Senvar-Inta-Avan – Best Presentation Awards 2015
- UTM's Excellent Service Award 2014
- Asia Future Conference 2013 – Best Paper Award 2013
- Universiti Teknologi Malaysia (UTM) 1st Runner-up for Best Original Academic Book Award 2005
- Mubin Sheppard Memorial Awards Cycle 6 – Best Dissertation (RM3,000/-) 2005
- UTM's Excellent Service Award 2003
- UTM's Excellent Service Award (Study Leave Category) 2001
- UNESCO Asia-Pacific Heritage Awards – Honorable Mention 2000
- Mubin Sheppard Memorial Awards – Conservation Studies (Kota Lama Duyung, Kuala Terengganu) 1999
- Rotary Research Fellowship Award 1995
- Best Dissertation for Postgraduate Diploma Architecture 1991
- Best Architectural Drawing 1991
- Gradus/Spectus Award for Architectural Details 1988

**Graduate Dissertation/Thesis:**

- Postgraduate Diploma in Architecture: *The Proportion of the Traditional Malay House*
- Sc. Architectural Conservation dissertation: *The attitude and approach throughout the architectural development of the Prophet's Mosque in Medina – a basis for understanding in the search of architectural conservation in Islam*
- Doctoral Philosophy's thesis: *Order in Traditional Malay House Form*

## **Employment History at UTM:**

### **Academic post:**

- Assistant Lecturer B : registered – July 1985; appointed – 29 April 1986; confirmed – 31 July 1988
- Assistant Lecturer A : appointed – 5 August 1991; confirmed – 5 August 1992
- Lecturer (DS45) : appointed – 8 June 1998; confirmed – 2 February 2001
- Senior Lecturer (DS52) : appointed – 1 January 2005
- Associate Professor (DS54) : appointed – 27 July 2006

### **Administrative post:**

- Deputy Director of Institut Sultan Iskandar, UTM: 1 June 2010 – present
- Head of Architecture Department, Faculty of Built Environment, UTM: 1 June 2002 – 31 May 2004; 1 June 2004 – 31 May 2006; 1 June 2006 – 18 May 2009
- Founder and ‘Director’ of Centre for the Study of Built Environment in the Malay World (KALAM): June 1991- September 1996

## 10.2. Surat Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya SYED AHMAD ISKANDAR BIN SYED ARIFFIN, K/P: 4.620110-01-5973 pada 27 Jun 2021.....dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

  
(Nama tokoh SYED AHMAD ISKANDAR )  
Tarikh: 27/6/2021

  
(Siti Noorsiah Binti Jamaludin)  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

### **10.3. Senarai Soalan**

#### **SOALAN ORIENTASI**

##### **1. Latar Belakang Diri Tokoh**

- a. Apakah nama penuh Tuan?
- b. Bilakah tarikh lahir Tuan?
- c. Tuan berasal dari mana?
- d. Dimanakah Tuan menetap kini?
- e. Bolehkah Tuan ceritakan serba sedikit pengalaman Tuan sewaktu dibangku sekolah?
- f. Apakah pegangan atau prinsip yang Tuan pegang sehingga kini?

##### **2. Latar Belakang Keluarga**

- a. Apakah latar belakang ibu dan bapa Tuan?
- b. Adakah Tuan mempunyai adik-beradik?
- c. Darimanakah ibu bapa Tuan berasal ?
- d. Pada pendapat Tuan, adakah Pendidikan dan bakat yang ada pada Tuan hari ini, diturunkan daripada ahli keluarga?
- e. Adakah ibu Tuan menggunakan bakat seni beliau untuk keluarga sahaja atau ada mengambil tempahan orang?
- f. Adakah minat Tuan terhadap senibina datang daripada dorongan ibubapa dan keluarga?

##### **3. Perkahwinan**

- a. Setahu kami, Tuan sudah mendirikan rumah tangga. Boleh Tuan kongsikan nama isteri Tuan?
- b. Bolehkah Tuan menceritakan serba sedikit kisah pertemuan Tuan bersama isteri Tuan?
- c. Berapakah usia perkahwinan Tuan?
- d. Adakah keluarga Tuan mengetahui dengan aktif, tentang penglibatan Tuan yang amat memberangsangkan dalam bidang ini?

## **SOALAN UMUM**

1. Sudah berapa tahunkah Tuan menceburi bidang senibina?
2. Bagaimana Tuan mula mempunyai minat terhadap bidang ini?
3. Adakah Tuan ada melalui jatuh bangun dalam menceburi bidang seni bina?
4. Mengapakah Tuan memilih untuk menceburi bidang akademik dalam seni bina berbanding menjadi seorang arkitek yang profesional ?
5. Dalam industri seni bina ini, siapakah figura yang sangat Tuan kagumi?
6. Bolehkah Tuan menjelaskan dengan ringkas, maksud senibina dalam ‘layman’s terms’?
7. Bagaimana asal usul senibina itu terjadi?
8. Mengapa Tuan merasakan senibina masjid adalah suatu perkara yang menarik?
9. Apakah yang berbeza tentang senibina di masjid dan di bangunan lain?

## **SOALAN KHUSUS**

1. Latar Belakang Seni Bina Masjid
  - a. Apakah unsur seni bina yang paling sukar dibentuk di masjid?
  - b. Apakah unsur seni bina paling menjadi kebiasaan atau mainstream?
  - c. Adakah masjid-masjid masa kini masih mengekalkan unsur sejarah dalam seni bina dalam pembinaannya?
  - d. Mengapakah Masjid Sultan Abu Bakar, Johor merupakan masjid yang bersejarah di Johor?
  - e. Masjid manakah yang paling bersejarah pada pandangan Prof?
  - f. Adakah unsur seni bina sesebuah masjid betul betul menggambarkan sejarah tempatan sesebuah kawasan itu?
  - g. Apakah relevannya bagi masyarakat masa kini untuk meraikan unsur senibina yg ada pada masjid masjid ini?
  - h. Pada pandangan Prof, apakah cara paling relevan untuk meraih kesedaran komuniti tentang sejarah masjid-masjid ini?
2. Latar Belakang Seni Bina Masjid Di Johor
  - a. Adakah masjid-masjid di Johor dibina atas sebuah konsep yang sama?
  - b. Mengapakah seni bina masjid Johor wajar diraikan?

**3. Sejarah Masjid Tempatan Di Johor**

- a. Masjid manakah yang paling bersejarah pada pandangan Prof?
- b. Adakah unsur seni bina sesebuah masjid betul betul menggambarkan sejarah tempatan sesebuah kawasan itu?

**4. Perkaitan Senibina Masjid Dan Komuniti Setempat**

- a. Bagaimakah seni bina sesebuah masjid itu dipengaruhi komuniti tersebut?
- b. Bolehkah Tuan berikan sebuah contoh masjid di Johor yang seni binanya amat unik dan berkait rapat dengan komuniti tersebut?

**5. Elemen Masjid Di Johor**

- a. Bolehkan Tuan senaraikan beberapa elemen yang penting di dalam sebuah masjid?
- b. Pada pendapat Tuan, elemen manakah yang paling signifikan di dalam sebuah masjid?
- c. Antara masjid-masjid yang ada di Johor, masjid manakah yang mempunyai elemen yang paling unik dan bersejarah?

#### 10.4. Diari Penyelidikan

TARIKH	MASA/LOKASI	TINDAKAN
4 April 2021 Ahad	08:00 - 10:00 Google Meet	<p>a. Puan Siti Noorsiah memberi penerangan mengenai sejarah <b>Error! Reference source not found.</b> lisan. Beliau memberikan tema berkenaan kajian sejarah lisan ini.</p> <p>b. Membuat pemilihan tema dan rakan.</p> <p>c. Husna dan Iris berpasangan serta memilih tema Seni Bina Masjid di Johor untuk kajian sejarah lisan.</p>
6 April 2021 Selasa	09:00 - 10:00 Google Meet	<p>a. Menerima arahan untuk mencari tokoh yang sesuai untuk melakukan kajian.</p> <p>b. Husna dan Iiris bersetuju untuk memilih Prof. Dr. Syed Ahmad Iskandar sebagai tokoh kajian kami.</p>
11 April 2021 Ahad	08:00 - 10:00 BK3	<p>a. Menerima arahan untuk melakukan kertas kerja dan menyiapkan kajian literatur.</p> <p>b. Husna dan Iris mengumpulkan maklumat tentang kajian seni bina masjid di Johor.</p>
13 April 2021 Selasa	09:00 - 10:00 BK3	<p>a. Puan Siti Noorsiah menerangkan tentang proses melakukan sejarah lisan.</p> <p>b. Husna dan Iris berbincang mengenai tokoh yang dipilih.</p>
22 April 2021 Khamis	14:00 - 16:00 Kolej	<p>a. Menyiapkan kertas kerja yang terdiri daripada pendahuluan, latar belakang tokoh, kajian literature, metodologi serta kesimpulan.</p>
24 April 2021 Sabtu	14:30 - 16:00 Kolej	<p>a. Merangka soalan yang hendak ditanya semasa sesi temubual. Soalan terbahagi kepada 3 iaitu orientasi, umum dan khusus.</p>
29 April 2021 Khamis	08:00 - 10:00 Panggilan Telefon	<p>a. Menelefon tokoh untuk berbincang mengenai temubual dan tokoh bersetuju untuk di temubual.</p> <p>b. Meminta biodata tokoh.</p>

2 May 2021 Ahad	08:00 - 10:00 DK 1	a. Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin menerangkan berkenaan penghasilan transkrip.
4 May 2021 Selasa	09:00 - 10:00 DK 1	a. Merujuk Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin untuk membuat semakan kertas kerja.
5 May 2021 Rabu	1200 U-Future	a. Menghantar kertas kerja bagi kajian sejarah <b>Error! Reference source not found.</b> lisan.
27 May 2021 Khamis	10:00 - 11:00 Panggilan telefon	a. Menghubungi tokoh untuk menetapkan tarikh temubual.  b. Tokoh bersetuju dengan tarikh yang ditetapkan.
29 May 2021 Sabtu	10:39 - 11:39 Google Meet	a. Sesi temubual bersama tokoh dijalankan.  b. Selesai sesi pertama temubual bersama tokoh.  c. Berbincang bersama tokoh untuk menetapkan tarikh untuk sesi kedua.  d. Tokoh bersetuju dengan tarikh sesi 2 temubual pada 18 Jun 2021
18 Jun 2021 Jumaat	22:00 - 23:00 Google Meet	a. Sesi temubual bersama tokoh untuk sesi kedua dijalankan.  b. Selesai sesi kedua temubual bersama tokoh.
20 Jun 2021 Ahad	14:00 - 16:00 Rumah	a. Iris dan Husna mendengar semua audio dan video temubual yang dilakukan.  b. Iris dan Husna mula melakukan transkrip sejarah lisan.



